



Di PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT


MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

k.

^A

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan Jawab
Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat Daripada
Kementerian-Kementerian**

**8 MAC 2011 HINGGA 7 APRIL 2011 SOALAN NO: 201 HINGGA
SO ALAN NO: 300**



No: 201

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

SOALAN 201

Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) minta MENTERI PENGANGKUTAN

menyatakan dengan sepenuhnya apa yang berlaku kepada kereta No. Engine 1119532335735 & No. Casis WDB 2030456A281831 yang pada mulanya didaftar sebagai No. WKB 2332 dan kemudian didaftarkan sebagai No. WSV 6991. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai polis dan pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan atau pihak-pihak lain yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak menerima apa-apa aduan mengenai penipuan berkaitan kenderaan yang mempunyai nombor

pendaftaran WKB 2332. Oleh yang demikian, setakat ini tiada tindakan telah diambil terhadap penyelewengan tersebut seperti yang didakwa oleh YB. Beruas. Mengikut semakan pada sistem pangkalan data JPJ, kenderaan bernombor casis WDB2030456A281831 dan nombor enjin 1119532335735 telah didaftarkan dengan nombor pendaftaran WKB 2332 pada 5 Julai 2002. Kenderaan ini kemudiannya telah melalui proses pertukaran nombor pendaftaran kepada nombor WSV 6991 pada 4 Ogos 2009 secara sah dan berdasarkan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh JPJ.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat bukti yang menyatakan berlaku penyelewengan terhadap proses pertukaran nombor pendaftaran tersebut, aduan butiran adalah diperlukan bagi membantu pihak JPJ menyiasat perkara ini dengan lebih terperinci dan mengambil tindakan selanjutnya.

SOALANNO: 202

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci profil pekerja Malaysia yang berkelulusan UPSR, PMR, SPM hingga pengajian tinggi dan pendapatan yang diperolehi mengikut sektor pekerjaan yang diceburi.

PR-000-T42366

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia tidak ada menyimpan rekod profil pekerja Malaysia mengikut kelulusan, pendapatan yang diperolehi dan sektor pekerjaan. Walau bagaimanapun, mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2009, Kementerian Sumber Manusia, kadar penyertaan tenaga buruh mengikut pencapaian adalah seperti di rajah 1.

Rajah 1: Bilangan Dan Taburan Peratusan Tenaga Buruh Mengikut Pencapaian Akademik, Malaysia 2009

Pencapaian Akademik	Jumlah (orang)	Peratus
Tiada Pendidikan Rasmi	438,900.00	3.9 %
Rendah	1,970,500.00	17.4 %
Menengah	6,262,000.00	55.3 %
Tertiari	2,643,800.00	23.4 %
Jumlah	11,315,200.00	100 %

2. Berdasarkan data di atas, sebanyak 55.3 % penduduk bekerja terdiri daripada pekerja yang mempunyai pendidikan menengah iaitu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala 23.4 % penduduk bekerja adalah siswazah iaitu sekurang-kurangnya mempunyai lulusan Diploma dan sebanyak 438,900 orang pekerja tidak mempunyai pendidikan rasmi.

3. B

erdasarkan Laporan Guna Tenaga Kebangsaan 2009, (NER 2009) purata gaji permulaan pekerja adalah seperti rajah 2;

Rajah 2 : Purata Gaji Permulaan Mengikut Pencapaian Akademik, Malaysia 2009

Pencapaian Akademik	Gaji Permulaan
Tiada Pendidikan Rasmi	RM 730.00
Rendah	RM 850.00
Menengah	RM 1,750.00
Tertiari	RM 2,750.00

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) meluluskan pinjaman sebanyak RM145.4 juta pada tahun 2009 sedangkan Kerajaan hanya meluluskan RM90 juta.

PR-000-T42368

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah menerima peruntukan dana daripada Kerajaan sebanyak RM90 juta bagi membiayai pinjaman latihan kemahiran bagi tahun 2009. Walaubagaimana pun, PTPK telah meluluskan

SOALANNO: 204

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

pinjaman latihan kemahiran dengan jumlah komitmen sebanyak RM145.4 juta bagi tahun 2009. Pertambahan dana sebanyak RM55.4 juta ini adalah ditambah daripada dana pusingan PTPK yang meliputi wang rizab kutipan bayaran balik dan juga hasil daripada pelaburan yang dijalankan oleh PTPK.

2. PTPK telah menggunakan wang rizab ini sebagai tambahan kepada peruntukan dana yang diberi oleh Kerajaan kerana ramai lepasan sekolah khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah memilih untuk mengikuti latihan kemahiran dan mereka telah memohon pinjaman daripada PTPK bagi merealisasikan hasrat menyambung pelajaran dengan mengikuti program latihan dalam bidang kemahiran.

3. Jadual di bawah menunjukkan jumlah permohonan pinjaman dan jumlah yang diluluskan daripada tahun 2007 sehingga tahun 2011.

	MB MOHON	LULUS.	MOHON	LULUS	MOHON	LULUS	MOHON	LULUS	MOHON	<i>mU k</i>	MOHON LULU
BIL. PEMOHON	11,701		14,996	SBM	15,684		11,248	10,598	4,239	4,003	57,868 47,
AMAUN (RM JUTA)	69.7	56.8	131.3	<i>m</i>	185.8	145.4	143.7	136.2	56.29	52.81	586.79 491 j

**MOHON =
PERMOHONAN LULUS
= KELULUSAN**

m{7Mac-7ApriCll)/ias...2l2Jl/AMu(WiS<inm21368

SO ALAN NO: 204

PERTANYAAN: BERTULIS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah peminjarn Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mengikut kaum dan umur bagi tahun 2006 hingga tahun 2009.

PR-000-T42370

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi tahun 2006 sehingga tahun 2009 adalah seramai 41,410 orang yang mana pecahan **mengikut kaum** adalah seperti rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Bilangan Peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mengikut kaum daripada Tahun 2006 sehingga 2009

								<i>Skim</i> <i>mmmmmm</i>	<i>mSSSSSBmS</i> <i>mb</i>	iSilgi	
Melayu	4,631	1,837	4,994	1,280	6,520	1,244	6,467	1,557	22,612	5,918	
Cina	274	67	531	53	542	61	551	134	1,898	315fc	
India	737	250	1,166	125	1,783	203	2,015	291	5,701	869	
Bumiputera Sabah	179	73	572	115	369	60	439	96	1,559	344	
Bumiputera Sarawak	214	125	328	144	417	94	460	126	1,419	489	
Orang Asli	16	9	16	1	6	3	6	2	44	15	
Lain-lain	40	14	43	12	47	10	49	12	179	48	
	iiiSi	iHl		fplli	ffiBK						

2. Pada keseluruhannya, bilangan peminjam yang berumur di antara 15 hingga 23 tahun merupakan pemimjam yang teramai iaitu seramai 40,252 (97.2%) daripada 41,410 bilangan pemohon. Bilangan Peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) **mengikut klasifikasi umur** daripada Tahun 2006 sehingga 2009 adalah seperti di rajah 2 di bawah :

Rajah 2 : Bilangan Peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mengikut klasifikasi umur daripada Tahun 2006 sehingga 2009

III SIRII			■ & h							
15-18	2,212	813	2,923	636	4,454	719	4,025	825	13,614	2,993
19-23	3,736	1,486	4,556	1,059	5,011	905	5,639	1,253	18,942	4,703
24-30	143	76	170	35	218	51	322	138	853	300
31-34	0	0	1	0	1	0	1	2	3	2
		<i>&i-4^e</i> ,7,65 &	lagitfe	v '.*			Hfe		feaft	HjlHgHB BB

<m{7Mac-7jipriC II)/Has...22.2. ll/A6du/kHSanfl42370

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER

MANUSIA menyatakan mengapakah pekerja aktif dalam PERKESO telah menurun daripada 5,310,552 orang pada tahun 2009 berbanding dengan 5,670,027 pada tahun 2008.

PR-000-T42372

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penurunan bilangan pekerja aktif di PERKESO berlaku hasil daripada tindakan PERKESO yang melaksanakan proses pengemaskinian rekod pencarum pada tahun 2009. Melalui proses pengemaskinian yang dimaksudkan, rekod pekerja-pekerja majikan yang tidak aktif serta tidak beroperasi (dormant atau batal) dan tiada caruman telah dikeluarkan dari pengkalan data. Kesan dari tindakan pengemaskinian ini menyebabkan statistik pekerja aktif telah menurun.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah pekerja dan majikan yang mencarum dengan PERKESO dari tahun 2007 hingga tahun 2010 adalah seperti berikut:

SOALANNO: 207

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pendaftaran	2007	2008	2009*	2010^P
Majikan Aktif	383,215	389,344	326,840	343,421
Pekerja Aktif	5,450,943	5,670,027	5,310,552	5,399,701

Nota:

*Pengemaskinian data telah dilakukan (Data Cleansing) mulai tahun 2009 yang melibatkan data majikan dan pekerja.

^P Maklumat bagi tahun 2010 masih belum muktamad sepenuhnya dan ia adalah tertakluk kepada pindaan.

<mac-7JlpriCll>/fias...22.2.11/MduC/aRSanfl42372
PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALANNO: 207

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERISUMBER MANUSIA menyatakan mengapakah hanya 5.3 juta pekerja yang membuat caruman PERKESO sedangkan populasi pekerja kita mencecah 11 juta orang.

PR-000-T42374

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Keselamatan Sosial Pekejia (AKSP) 1969 tidak terpakai kepada semua pekerja di Malaysia yang berjumlah 12,154,000 orang pada Januari 2011. Pekerja dalam kategori berikut dikecualikan dari liputan Akta sebagaimana Jadual Pertama AKSP 1969:

- i. Kakitangan kerajaan;
- ii. Kakitangan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang perkhidmatan mereka tetap dan berpencen/jawatan tetap;
- iii. Tentera dan polis;

- iv. Pekerja yang berkerja sendiri;
- v. Pekerja yang bergaji melebihi RM3,000.00 sebulan yang pertama kali berkerja.
- vi. Tuan punya dan pasangan kepada syarikat perkongsian atau syarikat persendirian;
- vii. Pekerja asing, dan
- viii. Pekhidmat rumah tangga (Domestic Servant), pelayan, butler, orang jaga anak, valet, footman, pekebun dan pemandu yang bekerja semata-mata di rumah kediaman dan bukan kerja profesyen pemergaan yang dijalankan oleh majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Atas sebab-sebab diatas, hanya 5.3 juta sahaja pekerja di Malaysia yang mencarum kepada PERKESO

<sn(7Mac-7Jiprit II)/Ras...22.2. ll/ASduakf^aniT42374
PERTANYAAN **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN**
[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH

RUJUKAN **3503**

SOALAN:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan**

- (a) adakah Kerajaan menyedari kedaifan kuarters, berek & pejabat anggota Pasukan Simpanan Persekutuan No. 5 di Pengkalan FRU Sg. Senam, Ipoh, Perak terutamanya Blok A, B, C, D, E, F, G, H, I & J serta keadaan jalanraya yang terlalu daif dan penyelenggaraan yang kurang sempurna; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengadakan penambahbaikan seperti membesarkan tiap unit rumah dua bilik dengan menggabungkan dua unit menjadi satu

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baru kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah baik premis-premis PDRM yang telah dhaif termasuklah Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Sg Senam. Namun disebabkan oleh peruntukan yang terhad, maka kerja-kerja penambahbaikan tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan yang terlalu mendesak peruntukan akan disalurkan bagi membolehkan keperluan mendesak seperti kerja-kerja kecemasan dapat dilaksanakan demi keselesaan keluarga PDRM.

NO. AUM : 208

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
 [Kulim Bandar Baru]**

TARIKH

RUJUKAN 3547

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) mengapakah tiada kemudahan imigresen seperti perlanjutan dan pembaharuan paspot bagi warganegara Malaysia di United Arab Emirat termasuk Konsul di Dubai dan adakah Kerajaan bercadang menyediakan kemudahan imigresen tersebut termasuk melantik seorang Atase Imigresen di Konsul Dubai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara dan Pejabat Atase Imigresen bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kemudahan imigresen termasuk pengeluaran pasport kepada warganegara Malaysia. Bagi memudahkan rakyat Malaysia di seberang laut memperbaharui Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA), Kerajaan telah memperbanyakkan Pejabat Perwakilan Malaysia yang dilengkapi dengan peralatan dan mesin pengeluaran pasport seperti di Singapura, New York, Hong Kong, London, Jakarta dan Canberra.

Selain daripada pejabat-pejabat pengeluar pasport tersebut, warganegara Malaysia yang berada di luar negara kerana menetap sebagai Penduduk Tetap, bekerja atau sedang melanjutkan pelajaran,

boleh mengemukakan permohonan PMA di mana-mana Pejabat Perwakilan Malaysia yang berdekatan. Pejabat Perwakilan Malaysia yang bertindak sebagai pejabat penerima akan menguruskan pengeluaran pasport baru dengan pejabat pengeluar yang berhampiran. Proses permohonan ini boleh dilakukan melalui pos namun pemohon perlu hadir di pejabat Perwakilan yang menerima permohonan tersebut atau yang berhampiran untuk mendapatkan PMA tersebut.

RT 27/
No.
209

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) adakah Kerajaan menyedari sistem pelajaran negara terlalu menjurus kepada exam-oriented sehingga menghasilkan pelajar yang lebih menghafal daripada memahami pelajaran mereka dengan tujuan mendapat sebanyak A yang boleh; dan
- (b) apakah *standard & benchmark* yang digunakan dalam penentuan soalan dan pemarkahan peperiksaan

JAWAPAN

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar bahawa sistem pendidikan sekarang sering dilabel sebagai terlalu berfokus kepada peperiksaan dan tidak holistik. Justeru, setelah menimbangkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai lapisan masyarakat, KPM telah memutuskan supaya UPSR dikekalkan tetapi dilakukan penambahbaikan. Manakala PMR pula akan dimansuhkan dan diganti dengan Penilaian Berasaskan Sekolah. Melalui kaedah ini murid boleh dinilai disetiap peringkat tanpa bergantung kepada peperiksaan pusat sahaja. Bagi menjayakan dasar tersebut, guru-guru akan didedahkan melalui kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan mutu dan kualiti pengajaran mereka.

Di samping itu, pemantauan secara berterusan oleh pegawai-pegawai KPM juga diadakan bagi membantu memastikan hasrat ini dapat direalisasikan. Berhubung dengan proses penentuan soalan dan pemarkahan peperiksaan, KPM melalui Lembaga Peperiksaan telah menetapkan piawaian pentaksiran yang ketat, mempunyai kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta menepati piawaian antarabangsa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
(KULIM BANDAR BARU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

SULIT

- (a) adakah kerajaan bercadang mewujudkan satu *pool-list* bagi menyenaraikan nama pengganti tempat yang menolak atau tidak hadir program PLKN dan bagaimanakah mereka yang tidak terpilih atau berminat memohon untuk mendapatkan tempat di dalam PLKN.
- (b) adakah Kerajaan bercadang mewajibkan tiap wakil rakyat menjalani latihan singkat ala-PLKN

JAWAPAN:

Polisi penempatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2004 masih sama dan tidak berubah iaitu bagi mana-mana tempat yang telah dikosongkan oleh “pelatih semasa” ketika melapor diri di kem akan diisikan oleh “pelatih sukarela” dan “pelatih penangguhan” yang telah tamat tempoh penangguhannya. Pengisian kekosongan ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua minggu selepas “pelatih semasa” melapor di kem-kem PLKN. Oleh yang demikian, cadangan mewujudkan *pool-list* tersebut secara hakikatnya telah dilaksanakan oleh Kerajaan.

Bagi mereka yang tidak terpilih dan berminat untuk menghadiri PLKN, mereka hendaklah memohon untuk menjadi “pelatih sukarela” dengan mengisi borang permohonan pelatih sukarela yang boleh didapati dari Kaunter Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) atau di Laman Web JLKN. Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan oleh pihak JLKN melalui surat panggilan penempatan dalam tempoh dua minggu selepas pelatih semasa melapor diri di kem-kem PLKN.

Setakat ini, Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan wakil rakyat menjalani latihan ala-PLKN.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
SOALAN NO: 211**

PERTANYAAN BUKAN LISAN
DARIPADA : Dato'ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH
SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang diambil bagi mengawal atau menghapuskan minuman berkarbonat (terutama di sekolah-sekolah) yang jelas boleh menjelaskan kesihatan kerana kadar gula yang begitu tinggi iaitu 6.8gm tiap 325 mililiter (karbonat bertenaga) dan 11gm tiap 325ml (karbonat sahaja) yang boleh membawa penyakit obesiti, kencing manis dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa bekerjasama erat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam menangani isu-isu berkaitan pemakanan di sekolah. Selaras dengan perkara ini, Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat (2008) telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memberi panduan berkaitan makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah. Mengikut Panduan ini, minuman bergas atau berkarbonat tidak digalak dijual di kantin sekolah.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang meneruskan rundingan dengan industri minuman bagi mengurangkan kandungan gula dalam produk minuman termasuk minuman bergas. Industri minuman telah memberikan komitmen untuk mengurangkan 10 peratus kandungan gula dalam minuman sedia ada secara berperingkat.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah merangka satu Pelan Strategik

Kebangsaan bagi Penyakit Tidak Berjangkit (*National Strategic Plan for Non Communicable Diseases, NSP-NCD*) yang turut memberi penekanan kepada mempertingkatkan kebolehdapatan makanan yang berkhasiat dan halangan kepada makanan yang tidak berkhasiat di sekolah. Ini termasuklah menyemak semula garis panduan sedia ada selain membentuk panduan baru untuk aktiviti-aktiviti di sekolah.

Kementerian Kesihatan Malaysia amat mengharapkan kerjasama semua pihak termasuk ibu bapa, guru-guru, industri makanan dan media dalam memastikan hanya makanan yang berkhasiat dijual di kantin sekolah.

HO: £/2-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
SOALAN NO.212

Tuan Mohd Nizar Bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini tentang permohonan Projek Kolej Komuniti yang terletak di Parlimen Parit bagi melahirkan graduan usahawan yang berjaya dan berdaya saing serta lebih berinovatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah tempoh *rolling plan* pertama RMKe-10 (2011-2012), tiada projek baru diluluskan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina kolej komuniti baru di seluruh negara termasuk di Parit, Perak.

No. Soalan : 213

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA **TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah perancangan untuk melaksanakan Projek Landasan Keretapi Berkembar melalui kawasan Parlimen Parit untuk kemudahan infrastruktur yang baik bagi memacu pertumbuhan ekonomi rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang-Ipoh telah siap pada Januari 2008 dan kini telah boleh digunakan oleh orang awam untuk perkhidmatan kereta api sama ada menggunakan perkhidmatan KTMB Antarabandar atau ETS (KL-Ipoh).

Penduduk sekitar kawasan Parlimen Parit digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan kereta api dari Stesen Batu Gajah yang terletak tidak jauh (lebih kurang 10km) dari kawasan Parit.

Sehingga kini Kerajaan belum mempunyai apa-apa perancangan dalam masa terdekat untuk mengadakan laluan sambungan ke kawasan Parit. Namun, dari semasa ke semasa Kerajaan akan mengkaji keperluan dan potensi untuk membangunkan laluan kereta api baru bagi kemudahan orang ramai serta peningkatan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. NIZAR BIN
 ZAKARIA**

KAWASAN PARIT

SOALAN:

**Y.B. TUAN MOHD. NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status permohonan
lampau isyarat yang di pohon di beberapa laluan Jalan Ipoh - Seri
Iskandar - Lumut di kawasan Parlimen Parit. Mohon disegerakan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya bertanggung jawab untuk

memastikan tahap keselamatan di Jalan Persekutuan seluruh negara, termasuk di Jalan Persekutuan FT005 Ipoh - Lumut, Perak sentiasa berada dalam keadaan selamat kepada pengguna jalan raya. Sehubungan itu, kementerian ini telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menjalankan audit pemeriksaan keselamatan di sepanjang jalan tersebut, khususnya melibatkan cadangan pemasangan lampu isyarat di beberapa lokasi terlibat di Parit, Perak. Hasil laporan audit itu dijangka akan diketahui dalam tempoh terdekat ini. Oleh itu, tertakluk kepada hasil laporan audit berkenaan, peruntukan bagi tujuan meningkatkan ciri-ciri keselamatan di laluan berkenaan akan disalurkan kepada jKR untuk tindakan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN NEGARA

PERTANYAAN

DARIPADA

SOALAN

BERTULIS

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

(PARIT)

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TAN I menyatakan permohonan menaik taraf
kawasan padi yang mempunyai keluasan 3160
hektar menjadi jelapang padi di kawasan Parlmen
Parit.**

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Bagi mempertimbangkan sesuatu kawasan dijadikan kawasan jelapang, ianya
tertakluk kepada keputusan dasar Kementerian dan juga aspek teknikal
merangkumi kesesuaian tanah, keperluan infrastruktur dan potensi produktiviti.**

**Dasar Kerajaan mengenai tanaman padi adalah ditumpukan kepada kawasan
jelapang sedia ada dan tidak menggalakkan pembukaan kawasan jelapang baru.
Walau bagaimanapun, cadangan menjadikan kawasan tanaman padi di pinggir
kawasan jelapang atau Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) seperti
di Parlmen Parit yang terletak berhampiran IADA Seberang Perak, boleh
dipertimbangkan bergantung kepada keputusan kajian kesesuaian dari segi
infrastruktur dan kandungan tanah.**

No: 216

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN 216

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah perancangan Kerajaan untuk membina sebuah lapangan terbang baru yang lebih besar di kawasan Parlimen Parit yang mana kawasannya telah pun sedia ada, bagi kemudahan penduduk di Parlimen Parit amnya dan seluruh rakyat Perak.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Parit, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru yang lebih besar di kawasan Parlimen Parit. Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh (LTSAS) yang sedia ada sedang dalam proses menaiktaraf adalah dijangka dapat memenuhi

keperluan penduduk di negeri Perak.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN**

SOALAN NO: 218

RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]**

RUJUKAN

15 [PR-000- T42284]

SOALAN

**Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan :

- (a) apakah perancangan DBKL untuk mempromosikan kampung tradisi sebagai ikon dalam bandaraya ini; dan
- (b) sama ada pihak DBKL telah menerima cadangan laluan lingkaran MRT tambahan dan dimanakah lokasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (DPBRKL2020) yang dipamerkan kepada pihak awam pada pertengahan tahun 2008 yang lalu telah mengezonkan kesemua kampung tradisi di Kuala Lumpur dengan zon guna tanah yang lebih ekonomik seperti zon kediaman berdensiti sederhana dan tinggi serta zon perdagangan pusat kejiranan.

Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak dipersetujui oleh penduduk-penduduk di beberapa buah kampung yang memohon untuk mengekalkan kampung mereka sebagai kampung tradisi.

Berdasarkan kepada permohonan penduduk, 7 kampung tradisi di Kawasan Rizab Melayu Gombak, 2 kampung di Kampung Pandan dan Kampung Pasir Baru telah dizonkan sebagai Zon Perkampungan Tradisi di dalam Pindaan DPBRKL2020. Kepadatan maksimum yang dibenarkan untuk Zon Perkampungan Tradisi adalah 24 orang seekar. Kepadatan yang rendah ini adalah untuk memastikan ciri-ciri perkampungan dapat dikekalkan.

Di samping itu, DBKL juga akan berusaha meningkatkan infrstruktur di kampung-kampung tradisi ini. Walau bagaimanapun, usaha menyediakan jalan baru, melebarkan jalan sedia ada dan menyediakan saliran ini akan

memerlukan kerjasama pemilik tanah kawasan berkaitan.

Sementara itu, semua perkara mengenai projek MRT adalah berada di bawah seliaan dan tanggungjawab Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

MA1 p-fg'

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT BUKAN JAWAB

PERTANYAAN

LISAN TUAN CHUA TIAN CHANG [

DARIPADA

BATU]

NO. SOALAN

[218] PR-000-T42285

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta

MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kos Ops Piramid yang ditanggung oleh Kerajaan dan pihak swasta; dan

- (b) sama ada Kerajaan menanggung kos penerangan menghantar warganegara balik ke Mesir selepas keadaan pulih kepada asal.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kos keseluruhan bagi operasi pemindahan rakyat Malaysia dari Mesir dijangka menjangkau RM50 juta. Ia, antara lain, merangkumi kos operasi tiga pesawat C-130 TUDM serta kos penyewaan pesawat khas Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia, tambang untuk pelajar Malaysia dari Jeddah dan tempat-tempat lain dengan menggunakan kapal terbang komersial dan juga pembiayaan makan minum dan tempat tinggal rakyat Malaysia di Jeddah dengan kerjasama pihak Tabung Haji.
3. Memandangkan keadaan di Mesir telah kembali pulih dan sesi pengajian di universiti-universiti telah bermula pada pertengahan bulan Mac 2011, Kerajaan telah memutuskan untuk menghantar kembali semua pelajar Malaysia ke Mesir untuk meneruskan pengajian mereka. Bagi meringankan beban kewangan kepada ibu bapa untuk menghantar kembali anak-anak mereka ke Mesir, Kerajaan telah mendapatkan kerjasama daripada semua Kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat dan agensi-agensi penaja untuk membiayai kos penghantaran tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 219

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

SOALAN :

TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta PERDANA MENTERI menyatakan

(a) apakah perkembangan terkini siasatan oleh SPRM terhadap P. Balasubramaniam selepas menerima kenyataan bertulis dari London; dan

(b) apakah perkembangan tekini siasatan SPRM terhadap Mohamad Shafie yang dilaporkan oleh saya pada 29 Oktober 2009 dan siapakah telah dipanggil soal siasat.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat Batu, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas kes yang dibangkitkan itu telah pun selesai dijalankan. Kertas siasatan kini dalam kajian Timbalan Pendakwa Raya.

(b) Untuk makluman YB Batu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

NO SOALAN: 219

(SPRM) telah ambil maklum perkara ini dan ianya dalam tindakan Suruhanjaya ini.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 220

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA **TUAN CHUA TIAN CHANG**

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI

menyatakan:-

- (a) Berapakah jumlah lesen taxi baru diluluskan bagi kategori individu dan syarikat dalam tahun 2009 dan 2010 mengikut negeri; dan
- (b) Berapakah permit taxi dan bas ekspres telah digantung terutamanya kemalangan bas negeri yang berlaku di Rembau dan Simpang Pulai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Pada tahun 2009, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah meluluskan sebanyak 9,145 lesen teksi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,104 (45%) lesen diluluskan untuk individu manakala sebanyak 5,041 (55%) lesen untuk syarikat.

Bagi tahun 2010, sebanyak 10,661 lesen telah diluluskan iaitu dengan peningkatan sebanyak 1,516 (17%) berbanding tahun 2009. Daripada jumlah lesen yang diluluskan, sebanyak 6,124 (57%) adalah untuk individu manakan sebanyak 4,537 (43%) adalah untuk syarikat.

(b) Bagi tahun 2009 dan 2010 Jawatankuasa Inkuiiri Kemalangan Maut LPKP telah menggantung 30 lesen bas ekspres yang melibatkan dua (2) syarikat. Jawatankuasa juga telah membatalkan sebanyak 101 lesen bas ekspres yang melibatkan tiga (3) syarikat. Bagi kemalangan yang berlaku di KM.223 Lebuhraya Utara Selatan hala ke Utara berhampiran Plaza Tol Simpang Ampat - Rembau yang melibatkan bas ekspres yang dimiliki oleh Syarikat Kuala Lumpur - Malacca Express Sdn. Bhd, Mesyuarat Jawatankuasa Inkuiiri Kemalangan Maut LPKP pada 1 November 2010 telah memutuskan untuk membatalkan 11 lesen bas ekspres kepunyaan syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, kemalangan yang berlaku di Simpang Pulai melibatkan bas pelaongan dan perkara ini masih dalam siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN**

PERTANYAAN**BUKAN LISAN****DARIPADA****YB. TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]****RUJUKAN****16 [PR-000- T42288]****SOALAN**

**Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan :

(a) sama ada Kerajaan mencadangkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur untuk pemilihan Datuk Bandar. Jika tidak, apa sebabnya; dan

(b) apakah methodologi digunakan untuk mengukur Bandaraya Kuala Lumpur yang Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur untuk pemilihan Datuk Bandar kerana pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur dibuat oleh Yang Dipertuan Agong mengikut Seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190).

Di samping itu, Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan bahawa 'Walau apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan

berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan.' Sehubungan dengan itu, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur untuk pemilihan Datuk Bandar adalah tidak lagi relevan.

Manakala, untuk mengukur sesuatu pencapaian, perlu ada data dan rujukan asas. Sehubungan itu, Kerajaan mewujudkan sistem eKasih yang merupakan bank data kemiskinan nasional bagi tujuan mendaftar dan mengesan keluarga miskin.

Dalam hal ini, bagi mengukur pencapaian sifar kemiskinan tegar bandar, satu *locked figure* (bilangan yang dikunci) dari daftar eKasih telah ditetapkan pada 10 Januari 2010 seperti berikut:

Bilangan KIR Kemiskinan Bandar Daftar eKasih Yang Dikunci Pada 10 Januari 2010

Negeri	Miskin	Miskin	Mudah Miskin	Terkeluar	JUMLAH
Johor	233	845	1,898	32	3,008
Kedah	34	52	62	3	151
Kelantan	410	1,542	2,115	151	4,218
Melaka	133	521	1,332	162	2,148
Negeri Sembilan	34	158	483	63	738
Pahang	67	462	1,158	83	1,770
Perak	200	823	1,088	29	2,140
Perlis	70	248	514	91	923
Pulau Pinang	137	735	2,710	83	3,665
Sabah	2,229	3,491	3,007	43	8,770
Sarawak	427	1,110	2,569	41	4,147
Selangor	123	880	2,013	102	3,118
Terengganu	848	4,236	5,065	180	10,329
WP Kuala Lumpur	53	295	859	49	1,256
WP Labuan	19	157	331	6	513
WP Putrajaya			1		1
JUMLAH	5,017	15,555	25,205	1,118	46/895

(Sumber: Pendaftaran terakhir mengikut rekod eKasih)

Berdasarkan bilangan di atas, Ketua Isi Rumah miskin tegar bandar yang dikunci bagi WP Kuala Lumpur pada 10 Januari 2011 ialah 53 orang.

Bagi mencapai pensifaran kemiskinan tegar tersebut, satu trajektori pencapaian disediakan dan dipantau setiap bulan. Keperluan dan bantuan yang boleh disalurkan kepada KIR berkenaan dikenal pasti, dan setiap bantuan yang disalurkan dikemaskini maklumatnya dalam eKasih. Pemutihan daftar eKasih yang dikunci turut di adakan bagi mengesahkan pensifaran kemiskinan tegar ini benar-benar tercapai.

Trajektori Dan Pencapaian Bagi Mensifarkan Miskin Tegar Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sehingga 31 Disember 2010

BIL	AKHIR BULAN	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)
1	JAN	53	53	0.00
2	FEB	43	47	11.32
3	MAC	33	26	50.94
4	APRIL	23	13	75.47
5	MEI	13	1	98.11
6	JUN	3	1	98.11
7	JULAI	0	0	100.00
8	OGOS	0	1	98.11
9	SEPT	1	2	96.23
10	OKT	2	0	100.00
11	NOV	0	0	100.00
12	DIS	0	1	98.11
JUMLAH PENCAPAIAN			52	
JUMLAH SASARAN		; 53		

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM
BIN WAN ABDULLAH**

KAWASAN KOTA BHARU

SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan berapakah kontraktor utama dan/atau sub-kontrak yang terlibat dengan pembinaan Jambatan ke 2 Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan (yang telah diletakkan batu asas pada tahun 2007) dan sila namakan syarikat-syarikat berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat satu sahaja kontraktor yang terlibat secara kontraktual dengan Kerajaan bagi melaksanakan Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan iaitu Konsortium I.S. Resources Sdn Bhd - Ris Capital (M) Sdn. Bhd.. Sehubungan itu, Kerajaan melalui jabatan Kerja Raya (JKR) tidak ada hubungan secara langsung dengan sub kontraktor yang telah dilantik oleh kontraktor utama bagi

melaksanakan projek ini, kecuali jika terdapat Surat Ikatan Tugasan (*Deed of Assignment*) atau menerusi kaedah Pelantikan Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor - NSC*) yang dipersetujui oleh Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

BERTULIS

**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [
Kota Bharu]**

SOALAN

**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [
Kota Bharu] minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan syarikat yang
diberikan lesen membina pelabuhan Tok Bali,
Kelantan. Bilakah lesen berkenaan diluluskan.**

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

**Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, Kelantan
mula dibina pada 27 April 2003 yang melibatkan empat Syarikat iaitu:**

- **Fasa 1 - Kontrak ditawarkan kepada Syarikat SUNISSA Sdn. Bhd. melalui tawaran terbuka. Kerja-kerja telah bermula 27 April 2003 dan projek telah disiapkan pada 26 Julai 2004. Antara komponen yang terlibat adalah:-**
 - (i) Kerja-kerja pembersihan tapak
 - (ii) Kerja-kerja tanah
 - (iii) Kerja-kerja pembangunan tanah
 - (iv) Kerja-kerja pembinaan cerucuk kepingan keluli
- **Fasa 2 - Kontrak ditawarkan kepada Syarikat GP AMZ CONST. Sdn. Bhd. melalui tawaran terbuka. Kerja-kerja telah bermula pada 6 Disember 2004. Walau bagaimanapun, kontrak syarikat ini telah ditamatkan pada 26 September 2007 kerana tidak dapat menyiapkan kerja-kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Kerja yang tidak dapat disiapkan telah ditawarkan semula**

kepada Syarikat Alaf Capital Group Sdn. Bhd. pada 22 Oktober 2008 dan kerja telah disiapkan pada 16 Jun 2010. Antara komponen yang terlibat adalah:-

- 0) Kerja-kerja awalan (Preliminaries)
- (ii) Jeti Pendaratan Utama (140m x 35m)
- (iii) Pejabat Pemborong (23 unit)
- (iv) Dewan Pemasaran (140m x 35m)
- (v) Kantin
- (vi) Rumah Kedai (2 unit)
- (vii) Tandas Awam
- (viii) Pondok Pengawal
- (ix) Kerja-kerja Infra

Fasa 2A - Kontrak telah ditawarkan kepada Syarikat SUNISSA Sdn. Bhd. melalui tawaran terbuka untuk kerja-kerja pengorekan *harbour basin*. Kerja-kerja telah bermula pada 25 Jun 2007 dan kerja-kerja telah siap pada 30 Jun 2009. Antara komponen-komponen yang terlibat adalah:-

- (i) Kerja-kerja awalan
- (ii) Kerja-kerja Infra:
 - Site Preparation & Earthworks
 - Dredging Works
 - Rock Revetment
- (iii) *Provisional Sum*

Fasa 2R - Kontrak telah ditawarkan kepada Syarikat Alaf Capital Group Sdn. Bhd. melalui tawaran terbuka. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 22 Oktober 2008 dan kini masih dalam proses pembinaan. Antara komponen-komponen yang terlibat adalah:

- (i) Kerja-kerja awalan (*preliminaries*)
- (ii) Pembinaan bangunan (*Building Works*):
 - Dewan Pemasaran & Pemborong
 - Kantin, Kedai & Tandas Awam
 - Pondok Pengawal
 - Pencawang Elektrik

(iii) Kerja-kerja Luaran (External Works) :

- *Surface Water Drainage*
- *Road, Kerb & Carpark*
- *Pavement*
- *Water Reticulation*
- *Elevated Water Tank*
- *Sewerage*
- *Pump House*
- *Sewerage Treatment Plant*

(iv) Revetment

(v) Skid Tank Base

(vi) Kerja-kerja lain :

- *Provisional Sump*
- *Electrical, Telephone & PA System*
- *Fire Protection Services*
- *Aircond*
- *Cold Room*
- *Crane & Hoist*
- *Cold Water Plumbing*

Fasa 3 - Kontrak ditawarkan kepada Syarikat SALABUMI (M) Sdn. Bhd. melalui rundingan terus. Kerja-kerja telah bermula pada 2 Jun 2009 dan telah siap pada 17 Februari 2011. Antara komponen-komponen yang terlibat adalah:-

(i) Kerja-kerja awalan (preliminaries)

(ii) Temporary Sheet Piles for Construction of Tidal Gate

(iii) Piling Works

(iv) Building Works:

- **Setor Simpanan Kotak Ikan**
- **Surau**
- **Ruang Baiki Jaring**
- **IKS & Setor Sejuk Ikan**
- **Pencawang Elektrik**
- **Dewan Pemasaran & Pemborong**

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM
 BIN WAN ABDULLAH**

KAWASAN KOTA BHARU

SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA
menyatakan syarikat yang diberikan kontrak pembinaan laluan baru
jalan raya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan.**

J A WAP AN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan cadangan Projek Membina Jalan Baru dari Kuala Krai ke Kota Bharu, Kelantan - iaitu sebahagian dari laluan jalan Persekutuan *Central Spine* - ditangguhkan pelaksanaannya dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10. Ini bagi membolehkan Kerajaan untuk meneliti semula

skop dan kos-faedah projek sebelum memutuskan perkara dasar berhubung pelaksanaan projek ini. Sehubungan itu, Kerajaan juga setakat ini tidak pemah mengeluarkan Surat Setuju Terima (*Letter of Award*) kepada mana-mana syarikat kontraktor bagi melaksanakan projek berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB DATO' HAJI WAN ABD RAHIM
WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)**

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Jumlah kehadiran pelancong-pelancong tempatan dan luar negara ke Malaysia pada tahun 2009 dan 2010 mengikut negeri- negeri dalam Malaysia.

JAWAPAN

Jumlah kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2010 dan 2009 adalah amat memberangsangkan di mana seramai **24.6 juta pelancong** dicatat pada tahun 2010 dan seramai **23.6 juta pelancong** dicatat pada tahun 2009.

Berikut ialah **senarai 10 negara tertinggi** yang menyumbang kepada kemasukan pelancong asing pada tahun 2010 dan 2009 iaitu:

- 1) **Singapura** dengan jumlah pelancong **13.04 juta** pada tahun 2010 dan **12.73 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 2) **Indonesia** dengan jumlah pelancong **2.51 juta** pada tahun 2010 dan **2.41** juta pelancong pada tahun 2009;
- 3) **Thailand** dengan jumlah pelancong **1.46 juta** pada tahun 2010 dan **1.45 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 4) **China** dengan jumlah pelancong **1.13 juta** pada tahun 2010 dan **1.02 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 5) **Brunei** dengan jumlah pelancong **1.12 juta** pada tahun 2010 dan **1.06 juta** pelancong pada tahun 2009;
- 6) **India** dengan jumlah pelancong **690 ribu** pada tahun 2010 dan **590 ribu** pelancong pada tahun 2009;

- 7) **Australia** dengan jumlah pelancong **580 ribu** pada tahun 2010 dan **533 ribu** pelancong pada tahun 2009;
- 8) **Filipina** dengan jumlah pelancong **486 ribu** pada tahun 2010 dan **447 ribu** pelancong pada tahun 2009;
- 9) **United Kingdom** dengan jumlah pelancong **429 ribu** pada tahun 2010 dan **435 ribu** pelancong pada tahun 2009; dan
- 10) **Jepun** dengan jumlah pelancong **415 ribu** pada tahun 2010 dan **395 ribu** pelancong pada tahun 2009.

Berdasarkan kepada laporan Penyiasatan Pelancongan Domestik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, **Pelancong Domestik** ditakrifkan sebagai mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia sekurang-kurangnya satu malam (**24 jam**) dengan tujuan perjalannya berkaitan dengan aktiviti pelancongan serta menggunakan kemudahan pelancongan.

Secara keseluruhannya, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan seramai **31.92 juta** pelancong domestik telah dicatatkan pada **tahun 2009**. Pecahan pelancong domestik tersebut adalah seperti berikut:

- i) Negeri Johor (**3.5 juta** orang);
- ii) Negeri Selangor (**3.3 juta** orang);
- iii) Negeri Perak (**3.3 juta** orang);
- iv) Negeri Kedah (**3 juta** orang);
- v) Negeri Pahang (**2.9 juta** orang);
- vi) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**2.7 juta** orang);
- vii) Negeri Kelantan (**2.3 juta** orang);
- viii) Negeri Sarawak (**2.3 juta** orang);
- ix) Negeri Sembilan (**2.1 juta** orang);
- x) Negeri Sabah (**1.7 juta** orang);
- xi) Negeri Terengganu (**1.6 juta** orang);
- xii) Negeri Melaka (**1.5 juta** orang);
- xiii) Negeri Pulau Pinang (**1.3 juta** orang);
- xiv) Negeri Perlis (**306 ribu** orang);

- xv) Wilayah Persekutuan Putrajaya (**151 ribu** orang); dan
- xvi) Wilayah Persekutuan Labuan (**53 ribu** orang).

Pertanyaan

PERTANYAAN BUKAN LISAN

Daripada

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN

Soalan

DEWAN No. 226

RAKYAT

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta

MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

menyatakan KDNK sektor getah asli dan kelapa sawit 2009 dan 2010 mengikut pengeluaran ladang dan pekebun kecil negara.

JAWAPAN

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi sektor getah asli pada tahun 2009 ialah RM1,754 juta dan ia meningkat kepada RM1,924 juta pada tahun 2010 (peningkatan sebanyak 9.7 peratus). Dari segi pecahan pula, sumbangan pekebun kecil adalah sebanyak RM1,638.24 juta pada tahun 2009 dan meningkat kepada RM1.808.56 juta pada tahun 2010. Manakala bagi ladang pula, sumbangan KDNK ialah RM115.76 juta pada tahun 2009 berbanding RM115.44 juta pada tahun 2010.

Bagi sektor sawit, sumbangan KDNK pada tahun 2010 ialah RM16.137 juta, menurun dari tahun 2009 iaitu RM 16,682 juta (penurunan sebanyak 3.26 peratus). Dari segi pecahan pula, dari RM 16,682 juta untuk tahun 2009, sumbangan pekebun kecil kepada KDNK ialah RM3,184 juta (0.61 peratus).

Keseluruhan sumbangan sektor komoditi yang meliputi sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan tembakau pada tahun 2010 ialah RM37,863 juta bersamaan dengan peningkatan sebanyak 1.2% berbanding RM37,408 juta pada tahun 2009.

PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN
DARIPADA YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN KADIR

SOALAN: YB Tuan Haji Ab Aziz bin Kadir [Ketereh] minta PERDANA MENTERI

menyatakan setiap kenaikan harga barang makanan dan petrol sepanjang 10 tahun. Nyatakan dengan jelas kaitan kenaikan harga bahan bakar, polisi eksport, gaya hidup dan spekulasi.

JAWAPAN

Dalam tempoh 10 tahun mulai tahun 2000 hingga 2010, kadar inflasi di Malaysia telah meningkat sebanyak 2.1% setahun. Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol mempunyai wajaran terbesar iaitu 31.4%, meningkat 2.9% setahun dalam tempoh tersebut. Di kalangan

kumpulan makanan pula, harga ikan dan makanan laut meningkat paling tinggi dengan kadar 4.0% setahun, diikuti oleh harga daging (3.3%), harga beras, roti dan bijirin, harga susu, keju dan telur serta harga buah- buahan dan sayur-sayuran (2.6%) dan harga kopi, teh, koko minuman bukan beralkohol (1.8%).

Bagi kumpulan penaanakutan yang mengandungi komponen pelbagai barang dan perkhidmatan pengangkutan termasuklah petrol dan diesel, pula telah meningkat sebanyak 3.1% setahun dalam tempoh 10 tahun. Keterangan lanjut seperti di Lampiran I dan Lampiran II.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga runcit petrol adalah termasuk barang kawalan di bawah Akta Kawalan Harga (1946). Dalam tempoh 10 tahun, Kerajaan telah membuat penyelarasan harga runcit bagi RON97 sebanyak 15 kali iaitu daripada RM1.20 seliter pada tahun 2000 kepada RM2.70 seliter pada bulan Januari 2008 dan menurunkan harga kepada RM1.80 seliter pada bulan Disember 2008 seterusnya menaikkan semula secara berperingkat kepada RM2.50 pada bulan Februari 2011. Penyelarasan naik atau turun dibuat berdasarkan paras harga minyak dunia yang mana harga telah meningkat daripada AS\$29.84 setong pada tahun 2000 kepada AS\$107.67 setong pada bulan Februari 2011. Walau bagaimanapun, harga runcit RON95 yang diperkenalkan pada Mei 2009 pada harga RM1.75, hanya dinaikkan tiga kali dan kini kekal hanya pada RM1.90 seliter. Sehubungan ini, subsidi bagi RON95 yang ditanggung oleh Kerajaan telah meningkat kepada 55.81 sen seliter pada bulan Februari 2011 berbanding dengan 37.50 sen seliter pada bulan Februari 2010.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kerajaan masih mengekalkan polisi eksport bagi komoditi minyak memandangkan harga minyak Tapis yang dikeluarkan oleh Malaysia berkualiti tinggi dan dapat dieksport dengan harga yang lebih baik. Umpamanya, pada tahun 2010 purata harga minyak Tapis adalah AS\$83.75 setong sedangkan harga minyak *West Texas Intermediate* (WTI) adalah AS\$79.41 setong. Sebagai gantinya, Kerajaan mengimport minyak dengan harga yang lebih murah. Sehubungan itu, negara telah mendapat kelebihan dagangan bagi minyak mentah sebanyak RM15.3 bilion pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada aktiviti spekulasi pasaran hadapan di negara ini, sebagaimana yang yang berlaku di bursa komoditi di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat.

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna serta Kumpulan-Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol dan Pengangkutan, 2000 - 2010

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2000 -2010	
IHP	1.5	1.4	1.8	1.2	1.4	3.0	3.6	2.0	5.4	0.6	1.7	2.1	
Makanan minuman & bukan alkohol	1.9	0.7	0.7	1.3	2.1	3.7	3.4	3.0	8.8	4.1	2.4	2.9	
Beras, roti & bijirin lain	0.3	0.2	0.1	0.4	0.7	1.4	1.8	2.0	17.5	4.7	0.9	2.6	
Daging	3.8	0.0	-1.3	2.4	4.3	8.7	-0.3	3.0	10.0	3.5	2.9	3.3	
Ikan & makanan laut	5.4	3.5	1.0	1.3	3.3	4.4	8.3	3.0	7.0	5.9	1.5	4.0	
Susu, keju & telur	-1.4	-0.2	1.0	2.2	2.6	4.6	0.7	4.2	12.7	2.5	0.7	2.6	
Minyak & lemak	-1.6	-6.4	1.8	4.4	2.3	0.0	0.0	1.2	2.0	0.8	-0.2	0.4	
Buah-Buahan & Sayur-Sayuran	-0.7	-1.0	0.2	2.5	1.5	4.4	4.2	4.3	6.2	1.9	5.7	2.6	
Gula, jem, madu, coklat & manisan	-0.2	-0.1	-1.9	0.2	0.2	0.3	1.1	1.0	2.3	1.9	11.1	1.4	
Kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol	0.0	0.1	0.4	1.6	2.1	1.6	2.0	2.6	5.9	2.1	1.0	1.8	
Pengangkutan	2.1	3.6	6.6	1.6	0.7	6.2	11.0	2.3	8.8	-9.4	1.6	3.1	
Bahan Bakar & Minyak Pelincir	-	-	-	-	-	-	-	22.4	2.7	14.5	-17.6	2.0	3.9

Perubahan Harga Runcit Minyak Petrol dan Diesel bagi Tempoh Tahun 2000 hingga Januari 2011

LAMPIRAN II

Tarikh Kuatkuasa	RON 97			RON95		
	RM / liter					
	Semenanjung	Saba	Sarawak	Semenanjung	Saba	Sarawak
01/01/91	1.13	1.11	1.12			
01/01/94	1.10	1.08	1.09			
01/10/00	1.20	1.18	1.19			
20/10/01	1.30	1.28	1.29			
16/11/01	1.30	1.28	1.29			
01/05/02	1.32	1.30	1.31			
01/11/02	1.33	1.31	1.32			
01/03/03	1.35	1.33	1.34			
01/05/04	1.37	1.35	1.36			
01/10/04	1.42	1.40	1.41			
01/03/05	1.42	1.40	1.41			
05/05/05	1.52	1.50	1.51			
31/07/05	1.62	1.60	1.61			
28/02/06	1.92	1.90	1.91			
16/04/08	1.92	1.90	1.91			
05/06/08	2.704	2.699	2.69			
06/06/08	2.70	2.70	2.70			
23/08/08	2.55	2.55	2.55			
25/09/08	2.45	2.45	2.45			
15/10/08	2.30	2.30	2.30			
01/11/08	2.15	2.15	2.15			
18/11/08	2.00	2.00	2.00			
03/12/08	1.90	1.90	1.90			
16/12/08	1.80	1.80	1.80			
12/05/09	1.80	1.80	1.80	1.75	1.75	1.75
01/09/09	1.80	1.80	1.80	1.75	1.75	1.75
16/07/10	2.10	2.10	2.10	1.85	1.85	1.85
02/11/10	2.15	2.15	2.15	1.85	1.85	1.85
01/12/10	2.30	2.30	2.30	1.85	1.85	1.85
04/12/10	2.30	2.30	2.30	1.90	1.90	1.90
05/01/11	2.40	2.40	2.40	1.90	1.90	1.90
01/02/11	2.50	2.50	2.50	1.90	1.90	1.90

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH

DARIPADA **YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR**
 [KETEREH]

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci jumlah gaji bulanan, elaun dan semua kemudahan yang berkaitan yang diperuntukkan kepada Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Pengerusi FELDA, Pengerusi KADA dan Pengerusi RISDA.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan di atas bagi agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri sahaja iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan FELDA memandangkan RISDA dan KADA bukan di bawah kuasa Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah gaji bulanan, elaun dan

semua kemudahan yang berkaitan yang diperuntukkan kepada Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan FELDA adalah seperti berikut:

A. **Pengerusi SPAD**

PERKARA	
Elaun Tetap Pengerusi	RM20.000.00 sebulan
Elaun Keraian	RM2,000.00 sebulan (tuntutan dengan resit)
Elaun Utiliti	RM2,000.00 (Telefon, elektrik dan air)
Elaun Pembelian Telefon Bimbit	RM3,000.00 (setiap 2 tahun)
Keahlian Kelab Korporat	RM1,000.00 sebulan
Elaun / Kemudahan Semasa Bertugas Rasmi	Penerbangan Antarabangsa - Kelas Pertama Penerbangan Dalam Negeri - Kelas Perniagaan Perbelanjaan Penginapan: Harga sebenar termasuk dobi dan komunikasi (faks, telefon email dan lain-lain)
Rawatan Perubatan	Pegawai, isteri dan anak di bawah 21 tahun, layak kemudahan rawatan dan pergiyan yang ditanggung oleh SPAD.
Perlindungan Insurans	Perlindungan insuran berkelompok SPAD sehingga maksimum RM500,000.00
Kakitangan / Peralatan Pejabat	Disediakan Setiausaha Sulit, Pembantu Khas dan Pemandu Kenderaan
Kenderaan	Proton Perdana Eksekutif (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1997) atau sekiranya tidak dibekalkan, diberi elaun kereta berjumlah RM8.000.00 sebulan termasuk pembaikan, penyelenggaraan, petrol, cukai jalan, insuran dan lain-lain.

B. Penjerusi FELDA

PERKARA	*• *»'. s T ' ' " i * i KADAR I'i
Elaun Bulanan	RM7,150.00 sebulan
Elaun / Kemudahan Semasa Bertugas Rasmi	Layak membuat tuntutan menjalankan tugas rasmi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan FELDA Bilangan 5 Tahun 2003 bertarikh 30 Jun 2003. Kelayakan Tuntutan elaun berdasarkan kelayakan Gred VU3 (Turns II).
Kenderaan	Disediakan sebuah kenderaan rasmi FELDA.
Rawatan Perubatan	Layak menerima kemudahan rawatan perubatan untuk diri sendiri dan isteri berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan FELDA Bilangan 4/1998 bertarikh 23 Mac 1998 dan Pekeliling Perkhidmatan FELDA Bilangan 2/1999 bertarikh 26 Julai 1999.
Kawalan Keselamatan	Disediakan khidmat kawalan keselamatan (FELSCO) di kediaman sendiri.
Insurans	Disediakan insurans.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
 DARIPADA Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
 [KETEREH]

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Ab Aziz Bin Ab Kadir minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pengundi pos yang berdaftar di Kern Desa Pahlawan, Kelantan pada PRU 8 Mac 2008 dan jumlah yang berdaftar kini dan adakah ianya bersamaan dengan jumlah anggota

SOALAN NO.229

tentera yang ditempatkan di kem tersebut. Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jumlah pengundi pos yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia di Kem Desa Pahlawan, Kelantan pada Pilihan Raya Umum Ke-12 dan jumlah terkini yang berdaftar di kem tersebut sehingga Suku Tahun Keempat Tahun 2010 (ST4/2010) mengikut pecahan anggota tentera dan pasangan adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

SOALAN NO: 73

Jadual 1

BIL	Jumlah Pengundi Tidak Hadir Tentera di Kem Desa Pahjawan Semasa Pilihan Raya Umum Ke-12			Jumlah Pengundi Tidak Hadir Tentera di Kem Desa Pahlawan Terkini Sehingga ST4/2010		
	Tentera	Pasangan	Jumlah	Tentera	Pasangan	Jumlah
1	1,691	683	2,374	1,603	519	2,122

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pengundi Tidak Hadir (PTH) tentera dan pasangan yang berdaftar sehingga ST4/2010 adalah seramai 2,122 orang. Walau bagaimanapun SPR tidak mengetahui jumlah sebenar anggota tentera yang bertugas di kem

SOALAN NO.229

tersebut. SPR berpendapat ada kemungkinan jumlah anggota tentera yang bertugas di keran tersebut mungkin lebih besar daripada jumlah PTH anggota tentera yang berdaftar dengan SPR. Ini adalah kerana SPR hanya menerima permohonan sebagai PTH bagi anggota tentera dan pasangan yang memilih mendaftar sebagai PTH yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih iaitu telah mencapai umur 21 tahun dan ke atas berdasarkan kepada permohonan mereka yang dihantar sendiri kepada Pendaftar negeri yang berkenaan melalui Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang dilantik oleh SPR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, undang-undang sedia ada tidak memperuntukkan pendaftaran automatik sebagai PTH bagi anggota tentera dan pasangan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAH
U
~~DEWAN RAKYAT~~, MALAYSIA
N
PERTANYAAN

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN KADIR
KAWASAN : KETEREH :
NO. SOALAN 230
TUAN HAJI AB AZIZ BIN KADIR minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan
jumlah sebenar pelabur asing yang melabur di Malaysia pada
tahun 2009 dan 2010 dengan memperincikan nama syarikat,
jumlah pelaburan, tempat dan bidang.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2010, sejumlah 910 projek perkilangan telah diluluskan
dengan nilai pelaburan sebanyak RM47.2 bilion. Daripada jumlah
tersebut, RM29.1 bilion (61.7%) merupakan pelaburan asing
manakala RM18.1 bilion (38.3%) adalah pelaburan domestik.

Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2010 adalah:

- Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM11.7 bilion:
- Jepun dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.0 bilion:
- Hong Kong dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.8 bilion:
- Singapura dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion: dan
- Jerman dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.9 bilion.

Lima industri utama yang menvumbang kepada pelaburan asing pada tahun 2010 adalah :

- industri elektronik dan elektrikal dengan nilai pelaburan sebanyak RM11.8 bilion:
- industri logam asas dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.6 bilion:
- industri mineral bukan logam dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.2 bilion:
- industri kelenokapan saintifik dan pengukuran dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.2 bilion: dan
- industri kimia dan berasaskan kimia dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.7 bilion.

Lima negeri yang menvumbang nilai pelaburan tertinggi pada tahun 2010 adalah:

- Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.2

- bilion;
- Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM10.6 bilion;
 - Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.5 bilion;
 - Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.9 bilion;
dan
 - Sabah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.0 bilion.

P

Bagi tahun 2009 pula, sejumlah 766 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM32.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM22.1 bilion (67.8%) merupakan pelaburan asing manakala RM10.5 bilion (32.2%) adalah pelaburan domestik.

Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2009 adalah:

- China dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.0 bilion;
- Hong Kong dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.3 bilion;
- Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.3 bilion:
- Singapura dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.0 bilion; dan
- Taiwan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM716.1 juta.

Lima industri utama yang menvumbang kepada pelaburan asing pada tahun 2009 adalah :

- industri kimia dan berasaskan kimia dengan nilai pelaburan sebanyak RM7.0 bilion;
- industri berasaskan mineral bukan logam dengan nilai pelaburan sebanyak RM5.3 bilion;
- industri elektronik dan elektrikal dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.0 bilion;
- industri pengeluaran makanan dengan nilai pelaburan sebanyak RM934.2 milion; dan
- industri berasaskan logam fabrikasi dengan nilai pelaburan sebanyak RM775.0 milion.

Lima negeri yang menyumbang nilai pelaburan tertinggi pada tahun 2009 adalah:

- Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.7 bilion;
- Sabah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.2 bilion;
- Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.0 bilion;
- Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.6 bilion; dan

- Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.5 bilion.

Jumlah peningkatan FDI seperti tercatat di atas didorong oleh kevakinan pelabur asing melabur di dalam industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. teknologi tinggi dan berorentasikan kemahiran serta pengetahuan tinggi.

Senarai nama syarikat tidak dapat diberikan kerana tertakluk kepada 'Non-Disclosure Agreement' (dengan izin) dengan syarikat-syarikat asing tersebut.

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA **TUAN HAJI AB. AZIZ BIN AB. KADIR**
 [KETEREH]

] SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah maksud status ‘simpan dalam perhatian’ sebagaimana jawapan bertulis kepada saya pada sesi lepas bagi projek RMKe9 dalam Parlimen Ketereh, khususnya bagi Sekolah Kebangsaan Bechah Keranji. Apakah status terkini projek-projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua;

Terma ‘Simpan Dalam Perhatian’ atau **SP** merupakan singkatan status pelaksanaan projek pembangunan di dalam Sistem Pemantauan Projek II. Ia bermaksud:

SOALAN NO. 232

- a) projek yang ditangguh sementara tetapi akan dilaksanakan dalam **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** RMK semasa;
- b) projek yang ditangguh sementara pindahan peruntukan dalaman dijalankan; dan

- c) projek yang ditangguh di peringkat kementerian dan dalam proses pembatalan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE, JPM).

Bagi projek **Sekolah Kebangsaan Bechah Keranji**, projek tersebut yang pada awalnya berstatus SP semasa sesi lepas, telah dibatalkan pelaksanaannya di bawah RMKe9, iaitu menepati kriteria (c).

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]**

TARIKH

RUJUKAN **3504**

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara purata, berapa orang termasuk bayi telah dilapor hilang setiap hari dan berapa mayat tidak dituntut dalam setiap tahun sejak tahun 2006. Apakah langkah diambil untuk mengurangkan angka-angka tersebut.

JAWAPAN Tuan Yang

Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak dapat memberikan statistik jumlah mayat yang tidak dituntut sejak tahun 2006 hingga 2010 kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Walaubagaimanapun bagi kes orang hilang sejak tahun 2006 hingga 2010, sebanyak 10,982 kes telah dilaporkan kepada pihak PDRM. Ini bermakna

NO. AUM : 233

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

secara purata, terdapat 6 kes orang hilang setiap hari dalam tempoh 2006 hingga 2010. Daripada jumlah tersebut seramai 5,793 orang telah berjaya dijumpai semula.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah diambil bagi mengurangkan kes-kes seumpama ini adalah seperti berikut

- (i) **Meningkatkan kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai keselamatan anak-anak mereka dan mengukuhkan institusi kekeluargaan;**
- (ii) **Memberi kesedaran kepada orang ramai terutamanya kepada golongan wanita dan kanak-kanak dalam menjaga keselamatan diri;**
- (iii) **Menjalinkan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, NGO dan lain-lain; dan**
- (iv) **Pihak polis juga sentiasa menjalankan usaha mengesan orang yang hilang dari masa ke semasa dengan kerjasama orang ramai.**

No. Soalan : 233

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan status, kos terpakai dan peruntukan yang terkini diberi untuk projek MRT Sungai Buluh -Kajang; lokasi landasan dan stesen-stesen projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kesemua lokasi stesen dan jajaran telah dimaklumkan di Pameran Awam semenjak 14 Feb 2011. Peruntukan sedia ada telah dibajetkan untuk kos-kos pengambilan balik tanah bagi tujuan pembangunan infrastruktur MRT, manakala peruntukan untuk kos-kos lain, termasuk pembinaan dan peralatan system MRT, bakal dibiayai oleh pihak Kementerian Kewangan. Kos projek masih ditahap penilaian memandangkan jajaran belum lagi dimuktamadkan (sehingga

berakhirnya Pameran Awam Skim Keretapi) dan rekabentuk asas sedang dikaji untuk tujuan pengoptimaan kos implementasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN
JAWAB L1SAN**

DEWAN RAKYAT BUKAN JAWAB

PERTANYAAN

LISAN : TUAN LIP LIMENG [

DARIPADA

SEGAMBUT]

NO. SOALAN

[234] PR-000-T42540

SOALAN

Tuan Lip Lim Eng [Segambut] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan rasional keengganan Kerajaan untuk meratifikasi perjanjian-perjanjian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti "*Convention Relating to the Status of Refugees*", "*The Covenant on Civil and Political Rights*:", "*The Covenant on Economic, Social and Cultural Rights*" dan lain lain yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut, di atas soalan yang telah dikemukakan.

Seperti Dewan yang mulia sedia maklum, isu berkenaan Malaysia meratifikasi suratcara-suratcara antarabangsa tertentu mengenai hak asasi manusia pernah dibangkitkan beberapa kali. Ingin saya tegaskan di sini bahawa isu pokok adalah bukan Kerajaan enggan meratifikasi perjanjian-perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) seperti *Convention Relating to the Status of Refugees*, *The Covenant on Civil and Political Right* (ICCPR) dan *the Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR) tetapi, buat masa ini kajian sedang dijalankan.

Sebelum Malaysia menyertai suratcara-suratcara ini, persediaan menyeluruh perlu dipastikan terutamanya memastikan semua peruntukan suratcara-suratcara berkenaan boleh, dilaksanakan melalui rangka perundangan negara. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil langkah mengkaji peruntukan-peruntukan suratcara-suratcara berkenaan. Setakat ini, kajian tersebut masih belum selesai.

Untuk makluman Dewan ini, bagi sesetengah suratcara, tempoh masa untuk meratifikasinya sudah luput. Tindakan yang boleh diambil ke atas suratcara-suratcara ini hanyalah kesertaan atau dengan izin ‘accession’ sahaja. Suratcara ICCR dan ICESR adalah di antara suratcara yang

tergoong dalam kategori ini.

Perbezaan antara meratifikasi dan kesertaan suratcara-suratcara ini adalah bagi kesertaan, Kerajaan tidak mempunyai ruang masa yang banyak untuk pelarasannya undang-undang antarabangsa dengan undang-undang kebangsaan. Setelah menyertai suratcara-suratcara berkenaan dan menjadi Negara Parti kepada dirinya, tarikh penguatkuasaan ke atas Malaysia boleh dianggap serta merta.

Dalam pada itu, adalah tidak wajar Malaysia menyertai suratcara-suratcara ini dengan membuat banyak reservasi. Sekiranya terlalu banyak reservasi dibuat, selain daripada menerima kritikan, tindakan kesertaan itu sendiri sudah dianggap lari dari maksud sebenar atau tujuan asal tindakan tersebut diambil. Memandang demikian, Kerajaan mengambil pendirian serius tentang isu kesertaan kepada suratcara-suratcara ini. Kerajaan menekankan kajian yang teliti, mendalam dan menyeluruh dibuat mengenai suratcara-suratcara berkenaan. Ini adalah bagi fahaman dan kepastian bahawa peruntukan tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang negara serta sebanyak mungkin pelarasannya undang-undang kebangsaan boleh dibuat bagi mengelakkan daripada kesertaan Malaysia kelak tidak dilakukan dengan terlalu banyak reservasi. Sememangnya diakui kajian ini mengambil masa tetapi saya yakin hasilnya kelak pasti akan memanfaatkan negara dan rakyat.

Berhubung dengan *Convention Relating to the Status of Refugees*, Malaysia bukan Negara Parti kepada Konvenyen ini. Walau

JAWAPAN:

bagaimanapun, Malaysia berkerjasama dengan pejabat *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dengan memberi bantuan serta perlindungan kepada mereka diiktirafkan oleh pejabat berkenaan

yang telah menuntut status pelarian atau memohon perlindungan politik (*asylum seekers*). Kerjasama ini diberi atas sebab-sebab *humanitarian* dan dilaksanakan secara *case-by-case basis*.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 235

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan yang akan diambil berkenaan dengan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Rendah kini telah enggan menyediakan nota-nota keterangan bertulis menurut Kaedah-Kaedah Mahkamah tetapi hanya membekalkan cakera padat yang merakamkan proses perbicaraan kepada peguam dan meminta peguam sendiri yang menyediakan nota-nota keterangan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mahkamah telah memperkenalkan Sistem *Court Recording Transcription* (CRT) di mana sistem tersebut adalah merupakan satu inovasi dari pihak Mahkamah untuk mempercepatkan perbicaraan sesuatu kes.

Dengan adanya sistem ini, segala keterangan yang diberikan ketika perbicaraan di dalam mahkamah terbuka akan direkodkan secara elektronik.

Penyediaan nota-nota keterangan oleh peguam seperti mana yang dinyatakan dalam pertanyaan bukan lisan oleh Ahli Yang Berhormat adalah sebenarnya untuk tujuan rayuan sahaja iaitu penyediaan bagi Rekod Rayuan.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat,

Tiada mana-mana peruntukan yang menghendaki mahkamah menyediakan nota keterangan secara bertaip untuk tujuan-tujuan lain seperti untuk tujuan penghujahan, penukaran peguam cara dan sebagainya. Mahkamah juga mendapati perkhidmatan untuk menyediakan nota keterangan secara bertaip selama ini untuk tujuan-tujuan lain selain daripada rayuan turut menyumbang kepada ketidaklancaran perjalanan sesuatu kes. Selain itu, hal ini juga turut membebankan kakitangan kerana khidmat mereka adalah diperlukan untuk menaip nota keterangan yang dipohon. Tambahan pula, bilangan kakitangan di mahkamah kini adalah semakin terhad kerana seramai 317 orang kakitangan sambilan telahpun ditamatkan perkhidmatan mereka setakat 31 Disember 2010.

Oleh yang demikian, mahkamah kini sedang berusaha melatih kakitangan yang sedia ada untuk melakukan bebanan kerja harian mengikut keutamaan dan menyisihkan peringkat kerja yang dirasakan tidak perlu. Adalah didapati, penggunaan CRT di dalam mahkamah

telah dapat menggantikan proses perbicaraan yang panjang sebelum ini kepada suatu proses yang lebih cepat dan efisien termasuklah penyediaan nota keterangan untuk apa-apa tujuan sekalipun.

Atas alasan di atas, tindakan mahkamah kini yang hanya membekalkan cakera padat dalam bentuk CD atau DVD adalah wajar di mana pihak-pihak bolehlah membuat salinan semula nota perbicaraan dalam bentuk tersebut kepada bentuk tulisan secara bertaip dengan persetujuan kedua-dua pihak mengenai isi kandungannya.

Bagi penyediaan Rekod Rayuan untuk tujuan rayuan pula, tanggungjawab mahkamah adalah agak berbeza di antara rayuan kes sivil dan kes jenayah. Bagi rayuan kes sivil, penyediaan Rekod Rayuan adalah terletak di pihak yang merayu. Oleh yang demikian pembekalan nota perbicaraan melalui CD atau DVD oleh mahkamah adalah sangat diperlukan untuk memudahkan pihak perayu tersebut menyediakan Rekod Rayuan. Tambahan lagi, tiada mana-mana peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menyediakan nota keterangan secara bertaip bagi penyediaan Rekod Rayuan untuk kes-kes sivil.

Bagi kes jenayah pula, pembekalan nota perbicaraan melalui cakera padat hanyalah diberikan kepada pihak-pihak yang memohon untuk tujuan penghujahan atau penukaran peguam cara. Ini adalah memadai kerana, ketika kes-kes dijalankan, kesemua pihak yang terlibat adalah diwajibkan untuk hadir ketika perbicaraan dan setiap daripada mereka mempunyai catatan masing-masing. Pembekalan CD tersebut adalah dengan tujuan untuk membantu kesemua pihak

mengemaskinikan catatan masing-masing bagi tujuan penghujahan atau penukaran peguam cara.

Namun begitu, mahkamah masih mempunyai tanggungjawab untuk menyedikan nota keterangan bagi tujuan rayuan kes jenayah. Ini adalah jelas seperti mana yang diperuntukan di bawah Seksyen 308 Kanun Prosedur Jenayah yang mana penyediaan Rekod Rayuan adalah perlu disediakan oleh pihak mahkamah.

Sementara itu, di bawah pindaan Seksyen 272F Akta yang sama jelas memperuntukkan bahawa rakaman perbicaraan kes-kes jenayah secara elektronik adalah dibenarkan tetapi nota perbicaraan masih perlu ditranskripsi oleh mana-mana orang yang telah diberikan keizinan secara bertulis oleh seseorang Hakim atau Majistret. Tanggungjawab ini masih tidak diabaikan oleh mahkamah di mana penyediaan nota keterangan untuk tujuan penyediaan Rekod Rayuan kes-kes jenayah masih disediakan oleh mahkamah secara tekun dan teliti.

PERTANYAAN BUKAN LISAN

**DARIPADA YB. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

RUJUKAN 17 [PR-000- T42550]

SOALAN

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**
menyatakan mengapa cadangan projek menaiktaraf jalan

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

sepanjang 4 km kepada 2 lorong setiap hala daripada jalan Segambut di bawah jalan Kuching hingga ke persimpangan Taman SPPK belum dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, satu surat perintah menjalankan kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor Tetuan Eura Saga Sdn. Bhd. untuk memulakan kerja pembinaan pada 18 Februari 2011 yang lalu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA :

**TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]**

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan penggunaan ubat-ubatan bebas dadah sebagaimana Negara Maju seperti China, Jerman, UK dan lain-lain. Apakah masalah utama dalam melaksanakan ubat-ubatan bebas dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua ubat-ubatan termasuk ubat-ubatan bebas dadah iaitu produk semulajadi (ubat tradisional) dan produk suplemen kesihatan di negara kita perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Sehingga 31 Disember 2010, terdapat 20,775 produk semulajadi berdaftar dengan PBKD. Dari segi penggunaan, produk semulajadi/suplemen kesihatan yang berdaftar boleh dipasarkan dan digunakan oleh mana-mana individu. Pada masa ini, juga terdapat produk semulajadi/suplemen kesihatan disenaraikan dalam formulari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang boleh digunakan di hospital dan institusi kerajaan. Ubat-ubat semulajadi ini juga digunakan dalam rawatan pesakit di beberapa buah hospital integrasi seperti Hospital Kepala Batas (Pulau Pinang), Hospital Sultan Ismail (Johor Bahru) dan Hospital Putrajaya.

Masalah utama dalam pelaksanaan penggunaan produk-produk ini adalah dari segi jaminan keberkesaan penggunaannya untuk rawatan sesuatu keadaan atau penyakit memandangkan efikasi produk semulajadi/suplemen kesihatan pada masa ini tidak dinilai secara saintifik tetapi adalah berdasarkan pengalaman turun-temurun sahaja.

Di samping itu, terdapat segelintir syarikat yang cuba mengambil kesempatan dengan memasukkan bahan kimia ke dalam produk semulajadi mereka (masalah campur-palsu) untuk tujuan mlariskan penjualan produk mereka. Masalah campur- palsu serta pewujudan produk-produk *counterfeit* di pasaran juga telah menjaskan keyakinan orang awam terhadap ubat-ubat tersebut.

NO. SOALAN : 238

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN AMRAN BIN AB GHANI
	(TANAH MERAH)

TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kerajaan berhak menaikkan harga barang tanpa diumumkan awal/meluas kepada rakyat terlebih dahulu dan nyatakan harga- harga barang kawalan untuk tahun 2004, 2006, 2008, 2010 dan 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa membuat pengumuman sekiranya terdapat perubahan harga terhadap barang kawalan. Walau bagaimanapun pengumuman perubahan harga yang terlalu awal akan menyebabkan pembelian panik oleh pengguna serta spekulasi dan manipulasi harga dan aktiviti menyorok bekalan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang seterusnya akan mengganggu bekalan barang tersebut.

Tuan yang Dipertua,

Harga-harga barang kawalan untuk tahun 2004, 2006, 2008, 2010 dan 2011
adalah seperti berikut:

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKANJAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]**

TARIKH

RUJUKAN 3505

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah menjadi satu kesalahan memakai pakaian yang tertera perkataan “Altantuya atau Wanita

NO. AUM : 239

Mongolia” di tempat-tempat awam dalam negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Mengikut Garis Panduan Penerbitan Kementerian sepetimana yang digariskan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), bukanlah menjadi satu kesalahan memakai pakaian yang tertera perkataan “Altantuya atau Wanita Mongolia” di tempat- tempat awam dalam negara ini

NO.SOALAN : 240

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH]

TARIKH

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang agar pesara-pesara yang datang dari Jabatan Kerajaan yang telah diswastakan untuk diberi pencen kembali memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat menyusahkan golongan ini serta langkah-langkah yang telah di ambil Kerajaan bagi membantu golongan ini.

Anggota bagi agensi Kerajaan yang diswastakan di mana pada tarikh

penswastaan telah disahkan dalam jawatan, diberi pilihan sama ada untuk memasuki syarikat di bawah Skim A (Sistem Saraan Ala Kerajaan) atau Skim B (Skim Syarikat).

Di bawah Skim A, tempoh perkhidmatan anggota di dalam Kerajaan dan syarikat akan diambil kira untuk tujuan faedah persaraan. Di bawah Skim B pula, hanya tempoh perkhidmatan anggota dalam Kerajaan sahaja (sebelum penswastaan) di ambil kira untuk pengiraan faedah persaraan. Tempoh perkhidmatan di syarikat tidak diambil kira. Anggota akan menikmati dua bentuk faedah persaraan iaitu pencen (semasa berkhidmat dengan kerajaan) dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Opsyen yang dibuat oleh anggota berkaitan ini adalah muktamad.

Bagi anggota yang belum disahkan jawatannya, mereka akan ditamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan dan diambil bekerja dengan syarikat di bawah Skim B (Skim Syarikat). Mereka tertakluk di bawah Akta KWSP sepanjang tempoh perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]**

] SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan bagi memastikan kewujudan Perpustakaan Negara kekal relevan dan dikunjungi rakyat memandangkan kemajuan dan kepesatan teknologi masa kini telah mengalihkan tumpuan pembaca kepada bahan bacaan online yang jauh lebih luas serta lebih pantas.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kerajaan berpandangan bahawa fungsi dan peranan perpustakaan masih utuh dan relevan sebagai sebuah organisasi ilmu dan penyelidikan dalam era ICT. Justeru, Kerajaan telah mengatur strategi menerusi pendekatan-pendekatan seperti berikut:

(i) Memperkasakan Modal Insan

Pustakawan dan petugas perpustakaan sentiasa dilengkapkan dengan ilmu dan kemahiran dalam bidang kepustakawan dan

maklumat yang terkini dari semasa ke semasa untuk membolehkan mereka memberikan perkhidmatan dengan cepat dan tepat kepada masyarakat.

Pembangunan Prasarana Ilmu dan Maklumat

Kerajaan merancang untuk meneruskan projek pembangunan prasarana perpustakaan di seluruh negara dengan membina dan menaiktaraf lebih banyak perpustakaan awam dan desa yang dilengkapi dengan kemudahan IT di kawasan bandar dan luar bandar dalam rancangan-rancangan pembangunan Malaysia akan datang.

Perkhidmatan Perpustakaan Berteraskan IT

Selaras dengan trend pembacaan generasi muda yang telah beralih kepada bahan bacaan atas talian maka PNM membangunkan inisiatif perkhidmatan berteraskan IT menerusi pelaksanaan projek “Ubiquitous-Library” (U-Library) dan pendigitalan bahan perpustakaan bagi membolehkan pengguna meminjam dan mengakses bahan perpustakaan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sesuai dengan konsep “library is present everywhere”.

Mempelbagaikan Aktiviti Galakan Membaca

Program galakan membaca terus dijalankan secara intensif dan berterusan dengan kerjasama dan pendekatan bersepadu bersama agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan di seluruh negara sepanjang tahun.

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN NO. (242)

SOALAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
Y.B. DR. LEE BOON DEWAN RAKYAT MALAYSIA
[JALAN GOPENG] MENTERI PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk
memulihkan projek komersial yang tergendala di Jalan Gopeng, Simpang
Pulai, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan pembangunan projek komersial adalah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak diperuntukan sebarang kuasa dalam melulus dan juga melesenkan pemaju projek bangunan komersial.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

April 2011

S J. B/(TU US)(13)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011 - 07.04.2011

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kutipan hasil daripada duti import dan duti eksais untuk kereta import setiap tahun mulai 2001 hingga 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan hasil duti import dan duti eksais ke atas kereta *Completely Built Up* (CBU) yang diimport pada tahun 2001 hingga 2010 adalah berjumlah RM11,835 juta dengan pecahan seperti berikut:

Tahun	Duti import	Duti Eksais	Jumlah (RM)
2001	395		395
2002	449		449
2003	606	"	606
2004	849	401	1.250
2005	431	670	1,101
2006	221	698	919
2007	215	604	819
2008	404	1.343	1,747
2009	391	1,472	1.863
2010	502	2,184	2,686

**Nota: Duti eksais ke atas kereta CBU import
diperkenalkan dalam tahun 2004**

Font : Verdana (16)

Soalan No:

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DR.LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

T

ARIKH

SOALA

N

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilangan pekebun kecil getah di bawah RISDA mengikut kaum dan negeri Tuan Yang Di-Pertua, Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2010 terdapat seramai **264,275 orang pekebun kecil** seliaan RISDA di seluruh Semenanjung. Taburan mengikut

e

JAWAPAN:

Kaum dan Negeri adalah seperti tertera di Jadual dibawah:

Negeri	Melayu	Orang Asli	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Perlis	1,646	14	544	9	49	2,262
Kedah	42,603	769	2,912	216	1,603	48,103
Pulau Pinang	816	2	443	16	5	1,282
Perak	25,809	642	7,664	725	154	34,994
Selangor	4,568	380	2,071	68	24	7,111
Negeri Sembilan	21,486	893	6,555	512	15	29,461
Melaka	8,727	147	2,454	230	9	11,567
Johor	14,163	305	7,288	243	20	22,019
Pahang	28,764	1,507	9,789	496	32	40,588
Terengganu	18,913	63	540	7	14	19,537
Kelantan	45,079	185	1,279	44	199	46,786
Wilayah Persekutuan	349	1	199	6	10	565
JUMLAH	212,923	4,908	41,738	2,572	2,134	264,275

Nota: Sumber Sistem Maklumat Pekebun Kecil(SMPK) RISDA setakat 31 Disember 2010
PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan Kerajaan setiap tahun mulai 2001 hingga 2010.

JAWAPAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan kakitangan kerajaan mulai tahun 2001 hingga 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN
2001	994,548
2002	1,026,143
2003	1,080,886
2004	1,098,638
2005	1,118,392
2006	1,152,467
2007	1,158,641
2008	1,218,945
2009	1,247,984
2010	1,290,076

Nota: Angka termasuk polis dan tentera

Sekian, terima kasih.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. LEE BOON CHYE

[GOPENG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah dan jenis sekolah baru, mengikut aliran dan saiz yang dirancang di Kawasan Parlimen Gopeng di bawah RMK-10.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Bagi Projek Dua Tahun Pertama RMK-10 terdapat 4 projek sekolah baru dengan peruntukan sebanyak RM1.82 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan di Kawasan Parlimen Gopeng. Projek-projek ini terdiri daripada 2 projek prasekolah dengan kos sebanyak RM600,000.00 dan 2 projek Ubah Suai Naik Taraf Pendidikan (USNT) yang melibatkan pembinaan baru pejabat guru dan projek naik taraf padang dengan kos sebanyak RM1.22 juta seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Jenis sekolah baru di kawasan Parlimen Gopeng

BIL.	NAMA BUTIRAN	KOS PROJEK (RM)
1.	PRASEKOLAH {00101)	600,000.00
2.	UBAH SUAI NAIK TARAF PENDIDIKAN (USNT) (03504)	1,219,892.04
	JUMLAH (RM)	1,819,892.04

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU

TARIKH

SOALAN

DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa keselamatan laut di utara dan timur Sabah tidak dilindungi dan masih banyak berlaku penculikan, rompakan dan rampasan. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membendung perkara ini.

JAWAPAN Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang Dipertua,

Keselamatan perairan negara sentiasa dilindungi pada setiap masa oleh pasukan keselamatan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Memandangkan keluasan perairan Timur Sabah amat luas serta persisiran pantai yang panjang, kerajaan menghadapi kekangan untuk menjaga setiap perairan dan pantai Timur Sabah pada setiap masa kerana kekurangan aset. Walau bagaimanapun, APMM mengambil langkah menjaga keselamatan dengan memberi tumpuan kepada kawasan panas (*hot spot*) serta melakukan rondaan dan memperagakan kehadiran kapal dan bot di perairan serta pengawasan dari udara oleh pesawat pada masa-masa yang telah dijadualkan. Dalam masa yang sama juga, pihak Angkatan Tentera Malaysia mengawasi pergerakan di perairan Timur Sabah menggunakan radar yang dipasang sepanjang kawasan Ops PASIR.

Mengikut statistik yang ada, hanya 1 kes rompakan yang berlaku di Utara dan Timur Sabah bagi tempoh Januari hingga Mac 2011 berbanding 3 kes bagi tempoh yang sama bagi tahun 2010. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Sabah dan Labuan telah melaksanakan Ops SEJAHTERA sepanjang tahun. Disamping itu juga beberapa operasi khas lain telah dilaksanakan di semua Daerah Maritim di Sabah dan Labuan bagi menjaga keselamatan perairan tersebut.

1. Antara Operasi Khas yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1.1 Daerah Maritim Kota Kinabalu (DM15)

- 1.1.1 Ops SEJAHTERA (LINDUNG)
- 1.1.2 Ops SEJAHTERA (KAWAL),

1.2. Daerah Maritim Sandakan (DM17)

- 1.2.1 OpsOMADAL
- 1.2.2 OpsSUKAU
- 1.2.3. Ops MANGINDORA

1.3. Daerah Maritim Tawau (DM18)

- 1.3.1. Ops KHAS
- 1.3.2. OpsHEBO

2. Operasi yang disertai APMM Wilayah Sabah dan Labuan dengan Agensi Penguatkuasaan dan Keselamatan yang lain seperti berikut.

- A. Ops PASIR
- B. Ops SETIA BERSEPADU

Berdasarkan kepada statistik dan analisis menunjukkan kes-kes yang berlaku adalah bersifat kepentingan kewangan semata-mata sama ada kepada individu mahu pun berkumpulan. Selain itu, kejadian yang berlaku tidak tertumpu kepada satu-satu kawasan di mana ianya sukar untuk dibenteryas dalam waktu yang singkat. Namun yang demikian, APMM Wilayah Sabah dan Labuan sentiasa meneruskan operasi dan membuat pemantauan yang sewajarnya bagi memastikan keselamatan dan keamanan perairan negara khususnya di sepanjang perairan Sabah terkawal.

Bagi mengatasi kekangan ketiadaan aset yang mencukupi untuk meronda seluruh

kawasan perairan Timur Sabah, APMM sedang membangunkan rangkaian stesyen radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) yang akan meliputi hampir seluruh kawasan perairan Sabah. Sistem ini dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung 2012. Apabila siap kelak, hampir keseluruhan perairan Sabah akan dapat diawasi pada setiap masa.

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DR. HIEW KING CHEU

[KOTA KINABALU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa pelajar-pelajar sekolah rendah membawa beg sekolah yang berat sementara buku teks banyak yang tidak digunakan. Nyatakan sama ada cara pengajaran boleh diubahsuai berasaskan kepada teknologi tinggi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menjalankan “Kajian Beg Berat Dalam Kalangan Murid-murid Sekolah Rendah Mulai Tahun 1 Hingga Tahun 6’ pada tahun 2008 dan ‘Tinjauan Beg Berat’ pada tahun 2010. Hasil dapatan menunjukkan bahawa berat buku teks yang dibawa mengikut jadual adalah tidak melebihi 15% daripada berat badan murid. Kadar ini merupakan kadar bebanan yang selamat dan telah dipersetujui oleh pertubuhan antarabangsa. Kedua-dua dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa bahan lain turut menyumbang kepada berat beg murid.

Selain itu, pada tahun 2003, KPM telah menjalankan kajian khusus mengenai isu beg berat bagi mengenai pasti punca sebenar yang menyumbang kepada beg berat. Kajian ini melibatkan semua jenis sekolah rendah di beberapa buah negeri di Selangor,

**RT 29/
No. 249**

JAWAPAN SOALAN PERSIPANGAN DEWAN RAKYAT

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka.

Dapatan kajian menunjukkan berat sebenar keseluruhan buku teks adalah di antara 2.8kg - 3.0 kg sahaja. Untuk makluman, berat tersebut merupakan berat keseluruhan

buku teks KBSR bagi sesuatu tahun. Berat buku teks ini akan jauh berkurang sekiranya murid membawa buku teks mengikut jadual waktu harian.

Dapatan kajian juga menunjukkan beg murid itu berat disebabkan mereka membawa barang-barang lain, di antaranya ialah buku kerja tambahan, buku rujukan, botol air dan kotak pensil. Bagi mengatasi hal ini, ibu bapa adalah disaran untuk menyemak jadual waktu setiah hari bagi memastikan buku dan barang-barang yang dibawal oleh anak-anak mereka ke sekolah adalah berkaitan dengan jadual waktu pada hari itu sahaja. Manakala guru kelas pula diminta menyediakan tempat menyimpan buku latihan kerja rumah di kelas masing-masing. Di samping itu, KPM juga menyediakan buku teks secara berjilid dengan tujuan mengurangkan berat beg yang dibawa oleh murid khususnya murid Tahap 1.

Penggunaan teknologi canggih dalam proses pengajaran dan pembelajaran sedang dilaksanakan di semua sekolah. Guru-guru menggunakan internet dan perisian yang disediakan bagi mata pelajaran tertentu dan ini akan mengurangkan penggunaan buku teks di sekolah. Walau bagaimanapun, penggunaan buku teks masih relevan di sekolah. Buku teks dan bahan cetakan berkaitan adalah merupakan bahan rujukan dan bahan tambahan yang dapat meningkatkan pemahaman dalam kalangan murid.

SJ.B(TULIS)/(14)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DR.HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011-07.04.2011

Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Pejabat Pencegahan dan Sitaan Kastam barang-barang yang terletak di depan Jeselton Point Kota Kinabalu dapat dipindahkan ke lokasi yang sesuai untuk mengurangkan kesesakan dan mengelakkan kesesakan tempat yang sentiasa dikunjungi para pelancong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Wisma Kastam yang terletak di Jeselton Point, Kota Kinabalu digunakan sebagai pejabat Pengarah dan Timbalan Pengarah Kastam Negeri serta Bahagian Penguatkuasaan & Pematuhan. Wisma Kastam ini tidak digunakan untuk menyimpan barang-

barang rampasan, tetapi hanya digunakan sebagai pejabat pengurusan.

Memandangkan kedudukan Wisma terletak ditengah-tengah tempat tarikan pelancong di Kota Kinabalu, Jabatan Kastam Sabah telah mengambil langkah dengan mengindahkan persekitaran serta manaikkan taraf bangunan Wisma Kastam.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)
SOALAN	DR. HIEW KING CHEU minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah kemajuan untuk menjadikan Kota Belud sebagai "Rice Bowl" di Sabah dan bilakah Sabah boleh menjadi pengeluar beras yang mencukupi dan apakah tahap beras import ke Sabah sekarang.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah mengambil langkah baru di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) bagi memastikan Sabah mampu meningkatkan pengeluaran padi bagi menampung keperluan beras bagi negeri Sabah. Langkah ini merupakan suatu langkah jangka panjang bagi memastikan bekalan beras Negara akan terus meningkat dan mencukupi.

Projek Padi Komersial Sabah dilaksanakan dalam lima pakej melibatkan pembangunan infrastruktur bagi membolehkan penanaman padi dijalankan sekali atau dua kali setahun dengan lebih cekap dan berkesan. Purata hasil padi dijangka meningkat kepada 4 hingga 6 tan metrik sehektar bagi setiap musim. Pembangunan infrastruktur asas pengairan dan saliran tersebut merupakan insentif bagi

menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam aktiviti pengeluaran padi berskala besar.

Kesemua projek di bawah Pakej I telah siap dilaksanakan. Pembangunan infrastruktur tersebut juga diharap dapat membekalkan air yang mencukupi di kawasan-kawasan yang terlibat.

Sehingga kini, purata beras import yang dibekalkan ke negeri Sabah adalah sebanyak 250,500 tan metrik setahun.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan mengapa pembangunan infrastruktur di pedaiman Sabah misalnya Tenom, Sook, Pensiangan, Nabawan, Tambunan dan Keningau tidak diberikan perhatian penuh dan

apakah program dan berapakah jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Tuan Yang di Pertua,

Di bawah Program Transformasi Kerajaan, melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Infrastruktur Asas Luar Bandar, Kerajaan menjangkakan akan dapat meningkatkan liputan prasarana asas hampir 100% menjelang 2013. Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan penduduk di luar bandar khususnya di Sabah yang tinggal di pedalaman seperti Tenom, Sook, Pensiangan, Nabawan, Tambunan dan Keningau akan dapat menikmati kemudahan yang sewajarnya.

Di bawah RMKe-10 bagi dua tahun pertama (2011-2012), Kerajaan telah memperuntukkan siling sebanyak RM5.1 bilion khusus untuk Sabah sahaja terutamanya bagi melaksanakan pembangunan prasarana asas luar bandar.

Seterusnya bagi tahun-tahun berikutnya di sepanjang tempoh RMKe-10 ini, usaha membangun dan mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar akan ditumpukan kepada:

Memperluas dan menaik taraf rangkaian jalan luar bandar.

Di bawah NKRA sehingga 2012, dijangka sepanjang 2,500 kilometer jalan luar bandar berturap akan dibina dengan 1,035 kilometer adalah tertumpu di Sabah;

Memperluas liputan bekalan elektrik.

Liputan elektrik luar bandar akan diperluaskan menerusi sambungan grid dan sistem alternatif seperti hidro-mini dan solar hibrid. Menjelang tahun 2015, Kerajaan menjangkakan liputan elektrik di Sabah akan dapat dicapai sehingga

99%;

Memperluas liputan bekalan air yang dirawat.

Liputan akan diperluaskan kepada 98% di Sabah menjelang tahun 2015. Langkah ini akan dilaksana melalui pembinaan saluran paip dan pertambahan loji rawatan air. Sistem alternatif seperti sistem graviti, telaga tiub, air bawah tanah dan kemudahan penakungan air hujan akan digunakan di kawasan pedalaman dan terpencil.

tM: 2.S2.

SJ.B/(TULIS)/(15)

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
(TITIWANGSA)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 -07.04.2011

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah benar syarikat Amanah Raya

Nominees Sdn. Bhd. dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempunyai pelaburan di dalam syarikat Magnum Corporation Sdn. Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Kementerian ini, Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (AR Nominees) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pernah mempunyai pegangan di dalam Magnum Corporation Sdn. Bhd. (Magnum). Walau bagaimanapun, saham- saham tersebut telah pun dijual pada 17 Jun 2008 setelah Magnum dinyahsenaraikan daripada senarai Bursa Malaysia mulai 2 Julai 2008.

SJ./(TULIS)/(16)

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DR. LO' LO' BINTIMOHAMADGHAZALI
 [TITIWANGSA]
PERTANYAAN : BERTULIS
TARIKH 07.03.2011 - 07.04.2011

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pernahkah Kerajaan mengkaji berapakah jumlah cukai yang dikutip hasil dari duti rokok berbanding keseluruhan jumlah kos perubatan dan kos penguatkuasaan undang- undang, kos kempen anti merokok dan lain-lain kos.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai yang dikutip dari rokok adalah sebanyak RM7.9 bilion bagi tempoh 5 tahun yang lalu. Cukai-cukai ini terdiri daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan. Mengikut pecahan cukai tersebut adalah seperti berikut:

	2006 (RM juta)	2007 (RM juta)	2008 (RM juta)	2009 (RM juta)	2010 (RM juta)
Duti Import	68	74	73	62	65
Duti Eksais	1,831	1,405	1,349	1,280	1,390
Cukai Jualan	4	55	92	97	100
JUMLAH	1,903	1,534	1,514	1,439	1,555

2. Berbanding dengan kos perubatan, jumlahnya adalah dianggarkan sebanyak RM3.2 bilion bagi tempoh yang sama. Kos perubatan ini meliputi 3 jenis penyakit utama berkaitan dengan merokok iaitu *chronic obstructive pulmonary disease* (COPD), *ischemic heart disease* (IHD) dan kanser paru-paru.
3. Dari segi kos penguatkuasaan pula, RM4.2 juta telah dianggarkan bagi tempoh yang sama. Di antara aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan melalui Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah kawalan penjualan hasil tembakau kepada orang bukan dewasa, menetapkan harga minimum rokok dan larangan merokok di tempat dilarang merokok.
4. Manakala, bagi kempen anti merokok pula, kos yang terlibat adalah sebanyak RM38 juta bagi tempoh 2006 hingga 2010. Kempen ini meliputi kempen “Tak Nak Merokok” di bawah Kementerian Kesihatan.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

SOALAN NO: 255

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

**YB. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

RUJUKAN

18 [PR-000- T43036]

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN

KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan tindakan susulan yang dibuat ke atas tanah kosong (zero ground) bekas flat yang telah dirobohkan dan juga kawasan flat-flat Jalan Pekeliling berhampiran Bulatan Jalan Pahang yang masih belum diroboh tetapi telah lama dikosongkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, keseluruhan Flat Pekeliling telah pun dikosongkan pada Disember 2008 dan telah diserahkan kepada pemaju Tetuan Asie Sdn. Bhd. untuk memulakan pembangunan.

Terdapat tanah kosong bekas Blok A, B, H, dan J Flat Pekeliling yang telah selesai dirobohkan oleh pemaju pada Julai 2008. Pihak pemaju dijangka akan memulakan pembangunan pada September 2011.

Walau bagaimanapun, Blok C, D, E, F, G, K dan L yang telah dikosongkan masih belum dirobohkan. Pemaju telah mensasarkan masa tiga (3) tahun (2011-2014) akan diambil untuk merobohkan

struktur bangunan flat-flat kosong tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAIRAN NO: 255

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah tahap keselamatan pelantar minyak di Malaysia di peringkat yang benar-benar selamat dan dapat mengelakkan kejadian tumpahan minyak seperti yang berlaku di Gulf Coast, Amerika.

PR-000-T43038

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri petroleum dan gas merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, iaitu sebanyak RM68.3 billion 13.1% dari jumlah KDNK negara pada tahun 2009 (laporan RMKe-10 muka surat 126). Oleh yang demikian, adalah menjadi satu tanggungjawab kerajaan untuk memastikan sumber ekonomi dari minyak dan gas ini dikawal selia dengan baik termasuk isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan.
2. Bagi menjamin pengurusan keselamatan di pelantar minyak dan gas, Kerajaan melalui beberapa agensi utama seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri , Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi telah menetapkan beberapa peruntukan perundangan dan polisi yang mestilah dipatuhi di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 1974, National Petroleum Policy 1975, Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967.

Tuan Yang diPertua,

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan masih belum lagi menguatkuasa sepenuhnya Akta Kilang dan Jentera atau Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke atas aktiviti berkaitan petroleum dan gas di Luar Pantai. Rundingan antara pihak KSM dan *Petroleum Management Unit (PMU)* /Petronas masih diteruskan bagi mencari kaedah terbaik dalam memastikan tahap keselamatan platform minyak dan gas di tahap optimum tanpa menjelaskan kepentingan negara. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa pihak pengusaha sentiasa melakukan pemeriksaan dan audit ke atas pepasangan, intergriti pelantar dan sistem pengurusan keselamatan di pepasangan Luar Pantai. Ianya dilakukan oleh auditor dalaman (iaitu dari pihak operator sendiri) atau daripada pihak luaran seperti *Petroleum Management Unit (PMU)*.
4. Terdapat lebih kurang sepuluh (10) bilangan syarikat atau operator termasuk syarikat yang di bawah Production Sharing Contracts (PSC) yang mengendalikan kejayaan kerja mencari dan menggali minyak di tiga (3) basin utama, iaitu Semenanjung, Sarawak dan Sabah yang mempunyai bilangan pelantar lebih kurang sebanyak 140 (minyak) dan 214 (gas).
5. Bilangan kejadian kemalangan melibatkan industri petroleum yang dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada tahun 2009 dan 2010 menunjukkan trend penurunan dari 25 kes kepada 19 kes. Bilangan kemalangan di industri petroleum pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:

Jenis Kemalangan/ Tahun	2009	2010
Tidak Hilang Upaya Kekal (THUK)	17	17
Hilang Upaya Kekal (HUK)	7	0
Maut	1	2
JUMLAH	25	19

<M((7Mac-7JlpriCll)/Has...22.2.11/Co'Lo T4303S

Jadual 1: Bilangan Kemalangan di Industri Petroleum (cari gali)

SOALAN NO.256

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARI PAD A Y.B. DR. LO' LO' BT. MOHAMAD GHAZALI
 [TITIWANGSA]

SOALAN:

DR. LO' LO' BT. MOHAMAD GHAZALI minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah benar di dalam Akta Pilihan Raya dan SPR hanya calon yang bertanding sahaja yang dilarang ‘membeli undi’ daripada pengundi.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ.
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] tidak hanya memperuntukkan kesalahan akibat perbuatan rasuah oleh calon sahaja sebaliknya ia turut melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh tiap-tiap orang, sama ada bagi pihak dirinya mahu pun bagi pihak orang lain

SOALAN NO.256

termasuk calon atau ejennya, pemilih atau pengundi, secara langsung atau tidak langsung, dalam bentuk penyamaran; penjamuan; penyogokan; mahu pun pengaruh tidak wajar sama ada sebelum; semasa; atau selepas sesuatu pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BUKANJAWAB LISAN
TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
N0.257

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [Machang]
minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan secara perbandingan
jumlah/bilangan pelajar lelaki dan wanita yang:-

- (a) memohon untuk masuk melalui UPU; dan
- (b) yang diterima masuk secara sah ke semua Institut Pengajian Tinggi Awam dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan bagi Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf ke IPTA pada Sesi Akademik 2010/2011 adalah seramai 61,228. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,182 (33%) adalah calon lelaki dan 41,046 (67%) adalah calon perempuan.

Daripada seramai 61,228 calon yang memohon, hanya 49,234 calon telah mencapai kelayakan minimum iaitu nilai PNGK 2.00 ke atas serta memenuhi Syarat Am permohonan kemasukan ke IPTA. Daripada jumlah calon yang layak, seramai 40,506 orang calon telah ditawarkan tempat di IPTA.

MO: aS?

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

Pertanyaan

PERTANYAAN BUKAN LISAN

Daripada

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [
Machang]

Soalan

No. 258

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :

- (a) sejauh manakah sumbangan sektor perhutanan dan perkayuan kepada ekonomi negara sekarang; dan
- (b) apakah rancangan masa depan Kerajaan terhadap sumber hutan agar kekal sebagai sumber pendapatan negara.

JAWAPAN

Sektor perkayuan menyumbang kepada ekonomi negara dari segi pendapatan eksport, guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2010, industri kayu dan produk kayu telah menyumbang sebanyak RM20.3 bilion atau 3.2% daripada keseluruhan jumlah eksport negara sebanyak RM639.4 bilion. Jumlah eksport tersebut merupakan peningkatan sebanyak 5% berbanding dengan nilai eksport berjumlah RM19.4 bilion pada 2009.

2. Nilai eksport sektor kayu dan produk berasaskan kayu tersebut merupakan antara lapan (8) penyumbang eksport utama negara termasuk Barang Elektrik dan Elektronik (RM249.8 bilion), Minyak Kelapa Sawit dan Hasil Keluaran Minyak Kelapa Sawit (RM62.9 bilion), Gas Asli Cecair, Petroleum dan Keluaran Petroleum (RM94.3 bilion). Komponen utama eksport kayu dan produk kayu terdiri daripada perabot kayu berjumlah RM6.5 bilion atau 32% daripada keseluruhan eksport kayu dan produk kayu. Produk papan lapis pula menyumbang sebanyak RM5.1 billion (24.9%) dan kayu gergaji sebanyak RM2.5 billion (12.2%). Pasaran utama eksport kayu dan produk kayu sepanjang 2010 adalah Jepun (RM3.8 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (RM2.6 bilion), seterusnya India (RM1.5 bilion), Taiwan dan Republik Korea masing-masing RM1.1 bilion.
3. Dari segi pertumbuhan ekonomi, sektor perkayuan meliputi kedua-dua aktiviti di peringkat huluan dan hiliran menyumbang sebanyak 2.2% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010. Sumbangan dari peringkat huluan adalah 1.3% manakala peringkat hiliran pula sebanyak 0.9%.
4. Dalam aspek guna tenaga, industri perkayuan menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 265,642 orang pekerja pada tahun 2009. Ia dijangka meningkat kepada seramai 265,800 orang pada tahun 2010 dan 309,300 pada tahun 2015.
5. Bagi memastikan sumber hutan terus kekal sebagai sumber ekonomi negara, Malaysia mengamalkan pengurusan hutan secara berkekalan di mana pembalakan dilakukan secara *selective management system* (SMS) iaitu hanya pokok yang mencapai saiz yang ditetapkan sahaja boleh ditebang. Melalui sistem ini, had

tebangan minimum bagi hutan jenis *dipterocarp* adalah 50cm diameter manakala had tebangan bagi spesies *Non-Dipterocarp* ialah 45cm diameter dengan amalan pusingan tebangan selama 25-55 tahun.

6. Pengeluaran balak di dalam Hutan Simpan Kekal juga adalah berdasarkan kepada Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditentukan oleh Majlis Perhutanan Negara. Catuan ini akan ditentukan pada setiap 5 tahun sekali untuk memastikan bekalan kayu balak kepada industri adalah mampan dan berterusan.

7. Pembangunan pesat di dalam industri kayu negara dijangka tidak dapat ditampung sepenuhnya oleh sumber bahan mentah kayu daripada hutan semulajadi. Bagi memenuhi keperluan industri, sebahagian bahan mentah seperti kayu bergergaji, venir dan papan serpai perlu diimport dari luar negara. Sebagai usaha meningkatkan sumber bahan mentah dan mengurangkan pergantungan kepada sumber bahan hutan semulajadi, Kerajaan menggalakkan program pembangunan ladang hutan dilaksanakan.

8. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sedang menjalankan program pembangunan ladang hutan secara komersial berskala besar yang bermatlamat membangunkan 375,000 hektar ladang hutan menjelang 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

TARIKH

SOALAN

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) jenis-jenis kelengkapan senjata ; dan
- b) kos operasi yang dijalankan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sepanjang Agensi ini ditubuhkan.

JAWAPAN : Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Sejak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditubuhkan pada 2005, APMM telah dilengkapkan dengan kelengkapan senjata seperti berikut

	Rifle M16
ii.	GPMG
iii.	Pistol Glock
iv.	SMG MP5
V.	HK UMP
vi.	Compact Rifle
vii.	Sniper
viii.	Meria
m	40/70
mm	
ix.	Meriam
	57 mm

- b) Peruntukan di bawah Belanja Mengurus yang disediakan untuk APMM mulai tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)	
	Diterima / Kemaskini	Jumlah Dibelanja
2005	RM 92,562,730.00	RM 64,350,838.28
2006	RM 241,058,938.50	RM 230,007,944.21
2007	RM 306,145,307.00	RM 300,033,300.27
2008	RM 356,295,179.00	RM 326,252,313.58
2009	RM 387,522,490.00	RM 386,702,579.47
2010	RM 305,545,083.00	RM 304,586,203.89

Berikut merupakan kos operasi APMM yang meliputi kos bahan bakar (minyak), kos senggaraan kapal/bot/pesawat dan kos bekalan rangsum.

NO. SOALAN : 261

Tahun	Perbelanjaan Kos Operasi (RM) Untuk Kapal/Bot & Pesawat Udara			
	Senggaraan	Bahan Bakar	Rangsum (kapal sahaja)	Jumlah
2005		748,388.62	65,827.60	814,216.22
2006	93,134,344.39	11,407,239.32	949,283.13	105,490,866.84
2007	127,602,429.24	20,702,724.83	1,360,986.11	149,666,140.18
2008	84,847,404.73	31,880,495.13	1,657,255.91	118,385,155.77
2009	202,847,030.62	27,121,134.59	2,720,094.78	232,688,259.99
2010	103,140,606.11	22,259,905.27	1,926,405.55	127,326,916.93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**
 [MACHANG]

SOALAN:

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam mempromosi kempen 1 Malaysia; dan
- (b) apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengukur pencapaian dan kejayaan kempen 1 Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Penerangan telah melaksanakan berbagai-bagai aktiviti dan program bagi mempromosikan Gagasan 1 Malaysia kepada masyarakat umum. Jabatan juga mengamalkan perbelanjaan secara kreatif menggunakan peruntukan sedia ada dan tanpa peruntukan tambahan yang disediakan.

Bagi sepanjang tahun 2010 jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi melaksanakan promosi Gagasan 1 Malaysia adalah sebanyak RM 2,941,884.80. Peruntukan ini meliputi kos untuk melaksanakan program-program Jabatan sebanyak RM1,243,579.30, kos pengiklanan sebanyak RM917,596.50, kos penerbitan sebanyak

SOALAN NO: 260

RM443,675.00 dan pembelian barang/cenderamata sebanyak RM337,034.00.

Selain itu, Kementerian juga telah menjalankan beberapa kajian untuk mengukur tahap kesedaran, kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap kempen 1 Malaysia . Antara kajian-kajian ini ialah seperti:

1. Kajian Awal 1 Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan pada 24 April hingga 5 Mei 2009 untuk mendapatkan reaksi dan maklum balas awam mengenai konsep 1 Malaysia mendapat 80% daripada responden bersetuju dengan gagasan tersebut;
2. Kajian Reaksi Awam Mengenai 1 Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) pada 21 hingga 26 April 2009 terhadap 4,905 responden menunjukkan 59.6% mengatakan konsep 1 Malaysia mudah difahami.
3. 'Kajian Kesedaran Dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep 1 Malaysia' yang dijalankan oleh Kementerian pada Oktober 2009 melalui kaedah temu bual secara bersemuka dengan sampel kajian seramai 12,212 orang responden. Hasil kajian menunjukkan 81.9% tahu dan sedar konsep 1 Malaysia. Tahap pemahaman rakyat terhadap 1 Malaysia adalah pada tahap sederhana (69%). Hasil daripada kajian juga menunjukkan bahawa 77.8% (7,783 orang) daripada responden mengatakan 1 Malaysia dapat menyatupadukan rakyat di negara ini berbanding dengan 4.1% (410 orang) yang mengatakan sebaliknya;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA :	TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
SOALAN	[MACHANG]

NO. SOALAN : 261

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah sebenar dan negara asal pegawai perubatan warganegara asing yang bertugas di Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 Mac 2011 jumlah Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan Bukan Pakar warganegara asing yang sedang berkhidmat di KKM ialah 416 orang. Perincian mengikut Negara asal Pegawai Perubatan terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Bilangan
1.	Amerika Syarikat	1
2.	Bangladesh	11
3.	Brunei	1
4.	Filipina	2
5.	German	1
6.	India	140
7.	Indonesia	17
8.	Iran	2
9.	Iraq	10
10.	Jepun	2
11.	Jordan	1
12.	Kenya	1
13.	Mali	1
14.	Mesir	30
15.	Myanmar	85
16.	Nepal	1
17.	Nigeria	1
18.	Pakistan	81
19.	Palestin	1
20.	Russia	2
21.	Singapura	6
22.	Sri Lanka	15
23.	Sykelles	1
24.	Taiwan	1
25.	Thailand	2
	Jumlah	416

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) senarai program atau skim Bumiputera serta jumlah dana berkaitan di bawah Dasar Ekonomi Baru dari tahun 1970 hingga 2010; dan
- b) senarai penerima (beneficiaries) setiap program atau skim tersebut.

JAWAPAN :

Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) telah diperkenalkan dengan matlamat untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional menerusi dua strategi utama iaitu mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum; dan menyusun semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Bagi menjayakan matlamat ini, beberapa program telah dirangka dan dilaksanakan. Pendidikan dan latihan telah diberi tumpuan utama untuk menghasilkan lebih ramai graduan dan tenaga kerja yang berkelayakan dan *marketable*. Pelbagai usaha telah diambil, termasuk menggalakkan pelaburan asing yang mewujudkan jawatan-jawatan baru/pekerjaan baru yang boleh diisi oleh pelbagai kaum, terutama dikalangan Bumiputera. Ini telah mengurangkan ketidakseimbangan struktur guna tenaga bagi penyertaan pelbagai kaum dalam sektor utama yang mencerminkan komposisi kaum menjelang tahun 1990. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai program penyertaan Bumiputera dalam ekonomi bagi meningkatkan sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan di kalangan Bumiputera dalam sektor korporat secara berkesan dan berkekalan. Untuk tujuan tersebut, pelbagai instrumen telah diperkenalkan termasuk Saham Unit Amanah; Program Penswastaan; Program Pembangunan Usahawan; Program Perolehan Kerajaan; Pelesenan, Permit dan Kuota dan lain-lain.

Bagi membentuk sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya maju dan berdaya saing, satu dana khas telah diwujudkan di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera dengan peruntukan permulaan sebanyak

RM200 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995). Kerajaan juga telah memperkenalkan Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa pada tahun 1993 untuk meningkatkan dan menggalakkan penyertaan aktif kontraktor Bumiputera dalam bidang pembinaan. Untuk membiayai perniagaan Bumiputera dalam aktiviti perindustrian dan komersial yang strategik, tiga dana berjumlah RM350 juta telah diperkenalkan pada 1992 dan 1993 iaitu Skim Modal Teroka PUNB, Dana Perindustrian Bumiputera dan Skim Pinjaman Mudah Untuk Industri Makanan Dan Perabot. Selain daripada itu, Dana Usahawan baru yang diperkenalkan pada tahun 1989 dengan jumlah permulaan RM250 juta, telah ditingkatkan kepada RM350 juta pada tahun 1991.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketuiuh (1996-2000), Program pembangunan vendor telah dikembangkan dengan melibatkan 51 syarikat besar yang dilantik sebagai syarikat anchor dan 133 syarikat vendor dalam industri elektrik dan elektronik, plastik, telekomunikasi dan perabot. Sebanyak 140 syarikat pula dipilih untuk membekalkan peralatan, bekalan dan perkhidmatan kepada beberapa syarikat besar milik kerajaan termasuk PETRONAS.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan pula (2001-2005), sejumlah 114,770 usahawan Bumiputera telah menyertai program latihan dan pembangunan perniagaan seperti program pembangunan vendor yang melibatkan 135 vendor baru, program pembangunan francais dengan 28 usahawan Bumiputera dalam pelbagai bidang termasuk makanan, pusat pembelajaran kanak-kanak dan automotif. Disamping itu, skim modal teroka telah dilaksanakan yang melibatkan 14 syarikat dibangunkan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM14.4 juta serta Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER) dengan 884 peniaga runcit Bumiputera dengan jumlah kos RM233.2 juta.

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) pula menyaksikan pembangunan MPPB diberi lebih penekanan melalui pelaksanaan inisiatif kluster yang diterajui oleh sektor swasta. Disamping itu, pelaksanaan program berpakej seperti pembangunan francais dan vendor, program teknousahawan, *Groom Big* & peruncitan di kompleks perniagaan terus diperkujuh.

Bagi membangun dan meningkatkan bilangan usahawan dan enterpris Bumiputera yang berpotensi dalam bidang terpilih di sepanjang rantai nilai ekonomi, program seperti *Management Buyout* (MBO), perkongsian pintar dan penyertaan ekuiti terus diberi penekanan. Selain daripada itu, pendekatan perkongsian awam-swasta diperkuuh untuk meningkatkan kerjasama dalam dan antara juga perniagaan di kalangan enterpris Bumiputera, antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, dan antara enterpris Bumiputera dengan Kerajaan.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

RUJUKAN

19 [PR-000-T42907]

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan :

- (a) senarai lokasi serta saiz tanah-tanah DBKL dan Kerajaan Pusat di Wilayah Persekutuan dari 1997 hingga 2010; dan
- (b) senarai projek usahasama yang menggunakan tanah milik DBKL dan Kerajaan Pusat di Wilayah Persekutuan dari 1997 sehingga 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, senarai tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan, mengikut lokasi dan saiz, adalah seperti berikut:

Sek/Mkm	Bil. Hakmilik	Luas tanah (ekar)
Bandar Kuala Lumpur	216	479.9
Kuala Lumpur	311	1594.30
Setapak	155	746.8
Petaling	92	470.96
Batu	87	490.00
Ampang/Ulu Klang	13	29.13
Jumlah	874	3811.09

(Sumber : Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta, DBKL)

Manakala, semakan terkini Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWP) melalui rekod Sistem Pendaftaran Hakmilik Berkomputer (SPTB) mendapati tanah-tanah Kerajaan Pusat di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah berjumlah 1022 hakmilik yang didaftarkan dengan keluasan keseluruhan berjumlah 29,573,807 meter persegi (2,957.38 hektar).

Sementara itu, berdasarkan rekod terkini DBKL, terdapat 54 projek usahasama yang menggunakan tanah milik DBKL yang diselaraskan pelaksanaannya oleh DBKL, seperti berikut :

Bil.	Kategori Projek	Bilangan
1.	Projek Baru	3
2.	Projek Telah Diluluskan Belum Ditandatangani	7
3.	Projek Dalam Pembinaan	21
4.	Projek Siap	23
Jumlah Keseluruhan		54

(Sumber : Jabatan Perancang Ekonomi dan Penyelarasian Pembangunan, DBKL)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

RUJUKAN

20 [PR-000-T42909]

SOALAN

SOALAN NO: 265

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan maklumat tentang nama
sepuluh syarikat-syarikat teratas yang menerima projek terbesar dan
terbanyak, termasuk memberi pembekalan kepada DBKL dari tahun
1997 sehingga 2010.
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, berikut
adalah sepuluh (10) syarikat teratas yang menerima projek terbesar dan
terbanyak dari tahun 1997 sehingga 2010.

**SENARAI KONTRAKTOR YANG MENDAPAT NILAI PROJEK
TERTINGGI (TENDER)**

BIL	TAHUN	PENENDER	HARGA(RM)	TEMPOH
1.	2010	Umpan Jaya Sdn. Bhd. *	80,656,702.08	36 bulan
2.	2007	Mentari Contracting (M) Sdn. Bhd.	18,966,428.00	74 minggu
3.	2008	Lion Pacific Sdn. Bhd.	16,499,229.80	84 minggu
4.	2007	Satar Landscaping Sdn. Bhd.	14,953,205.52	64 minggu
5.	2007	MK Services Sdn. Bhd.	14,229,685.16	35 minggu
6.	2009	N & Z Corporation Sdn. Bhd.	13,808,568.88	24 minggu
7.	2008	Turbine Technique (M) Sdn. Bhd.	11,819,150.00	2 tahun
8.	2010	Century Software Malaysia Sdn. Bhd.	11,762,447.72	52 minggu
9.	2007	Pakatan Sahabat Sdn. Bhd.	10,937,688.93	14 minggu
10.	2007	Bintang Puspa Sdn. Bhd.	10,828,366.00	48 minggu

* Diputuslulus oleh Kementerian Kewangan Malaysia

No: 265

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Y.B. PUAN
ANWAR	NURUL IZZAH BINTI
	[LEMBAH PANTAI]
TARIKH	
SOALAN	265

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan:

- berapakah jumlah dana digunakan dan impak yang dihasilkan daripada Program *Brain Gain* yang baru tamat; dan
- (b) berapakah bilangan rakyat Malaysia dan warga asing yang pulang bekerja di Malaysia dan berapakah belanja per kapita serta bilangan yang masih menetap sehingga 31 Disember 2010.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua program *brain gain* yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Program pertama ialah

|

Program Menggalak Warga Negara Malaysia Berkepakaran yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia (*Returning Expert Programme - REP*). Program REP mula dilaksanakan pada 1 Januari 2001 di bawah Kementerian

Sumber Manusia (MOHR) dan kini diambil alih oleh *Talent Corporation* Malaysia Berhad (TC). Program ini bertujuan menarik balik rakyat Malaysia yang berkepakanan untuk pulang bekerja dan menetap (*permanent return*) di tanah air.

Program kedua ialah *Brain Gain Malaysia* di bawah kendalian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Program ini menggunakan strategi yang inovatif yang mengambilkira kehendak kumpulan sasaran - penyelidik, saintis, jurutera dan teknologis (RSET) di luar negara iaitu mereka hanya perlu berada di Malaysia untuk tempoh masa yang singkat (*short stint*) dan tertentu sahaja bagi menjalankan kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (P&P) dengan institusi pengajian tinggi / institut penyelidikan / industri tempatan. Di bawah strategi ini, RSET tersebut tidak perlu *relocate* dan *uproot* keluarga mereka tetapi kekal di negara yang mereka menetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) jumlah dana yang digunakan oleh Program *Brain Gain Malaysia* yang baru tamat adalah sebanyak RM36.06 juta. Impak yang dihasilkan sehingga kini daripada program tersebut adalah seperti berikut:

- peningkatan pemindahan ilmu pengetahuan / kaedah saintifik baru dalam beberapa bidang sains, teknologi dan inovasi iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bioteknologi (kesihatan, industri dan pertanian), bahan termaju, tenaga alternatif, teknologi nano dan pembuatan termaju dari luar negara yang dimanfaatkan oleh 4,221 RSET dalam negara;
- peningkatan penemuan saintifik baru yang dapat membantu menyelesaikan masalah dalam beberapa bidang termasuk bioteknologi kesihatan, bioteknologi pertanian dan ICT melalui

penghasilan 44 penerbitan dan 13 harta intelek baru;

- peningkatan pembangunan modal insan (*capacity building*) dalam penyelidikan dan pembangunan di mana 1,236 RSET telah menyertai program tersebut sebagai *networking scientists* serta 155 RSET baru yang dilatih; dan
- peningkatan *international linkages* dalam penyelidikan dan pembangunan di antara institusi penyelidikan tempatan dengan institusi penyelidikan di luar negara melalui 135 kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (P&P).

Bagi menjawab soalan (b), sepetimana yang dijelaskan, Program

Brain Gain Malaysia bukan bertujuan untuk menarik rakyat Malaysia dan warga asing supaya pulang bekerja dan menetap di Malaysia. Oleh yang demikian, program ini tidak dapat mengukur belanja per kapita serta bilangan yang masih menetap di Malaysia sehingga 31 Disember 2010.

Me v

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

NO.266

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lem bah Pantai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sepuluh IPTS mifik Bumiputera teratas yang paling banyak menerima dana kerajaan dalam bentuk biasiswa dan bilangan pelajar yang dihantar. Sila nyatakan pecahan dari tahun 2000 hingga 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ditubuhkan melalui sebuah syarikat sama ada syarikat swasta, *Government-Linked Companies* (GLC) atau kerajaan negeri dengan pembiayaan dari pelbagai sumber tanpa melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). KPT juga tidak menyediakan biasiswa kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPTS. Manakala, pengambilan pelajar ke IPTS pula diuruskan oleh IPTS masing-masing tanpa melalui KPT.

Walau bagaimanapun, KPT ada menyediakan pembiayaan pendidikan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar IPTS yang layak dan menepati syarat yang ditetapkan. Senarai IPTS milik GLC/Kerajaan Negeri yang pembiayaan pendidikan PTPTN paling banyak diluluskan kepada pelajar mereka adalah seperti berikut:

			<i>fs</i>	<i>BU</i>
1	MULTIMEDIA UNIVERSITY	1,473.7	40,522	1997
2	UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR	737.1	22,179	2000
3	UNIVERSITI TENAGA NASIONAL	701.2	18,373	1997
4	UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK	672.4	22,585	1997
5	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR	332.1	12,745	2000
6	KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH	196.3	4,433	2000
7	UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS	151.7	2,482	1997
8	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)	97.0	4,064	2000
9	UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL)	28.2	699	2005
10	KOLEJ UNIVERSITI TATI	15.4	430	2000
	JUMLAH	4,405.1	128,512	

SOALAN NO.267

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
 [TELOK INTAN]

SOALAN:

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh SPR dan Kerajaan untuk 15 PRK sejak 8 Mac 2008. Sila beri perbelanjaan mengikut kawasan.

JAWAPAN: DAT O' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ.

SOALAN NO.267
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan setiap pilihan raya kecil sejak sejak 8 Mac 2008 adalah seperti berikut-

BIL	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	JUMLAH PERBELANJAAN
i.	P.44 Permatang Pauh	RM409,000.00
ii.	P.36 Kuala Terengganu	RM325,416.00
iii.	P.59 Bukit Gantang	RM460,971.00
iv.	N.25 Bukit Selambau	RM318,000.00
v.	N.29 Batang Ai	RM391,700.00
vi.	N.12 Penanti	RM514,600.00
vii.	N.41 Manek Urai	RM548,003.00
viii.	N.11 Permatang Pasir	RM461,367.93
ix.	N.31 Bagan Pinang	RM449,485.00
x.	P.94 Hulu Selangor	RM1,200,000.00
xi.	P.212 Sibu	RM1,000,000.00
xii.	P. 185 Batu Sapi	RM1,290,000.00
xiii.	N.45 Galas	RM1,047,000.00
xiv.	N.05 Tenang	RM1,100,000.00
xv.	N.27 Merlimau	RM755,000.00
xvi.	N.28 Kerdau	RM915,000.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

SOALAN NO.267

DARIPADA

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

SOALAN:

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh SPR dan Kerajaan untuk 15 PRK sejak 8 Mac 2008. Sila beri perbelanjaan mengikut kawasan.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan setiap pilihan raya kecil sejak sejak 8 Mac 2008 adalah seperti berikut-

SOALAN NO. 267

BIL	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	JUMLAH PERBELANJAAN
i.	P.44 Permatang Pauh	RM409,000.00
ii.	P.36 Kuala Terengganu	RM325,416.00
iii.	P.59 Bukit Gantang	RM460,971.00
iv.	N.25 Bukit Selambau	RM318,000.00
v.	N.29 Batang Ai	RM391,700.00
vi.	N.12 Penanti	RM514,600.00
vii.	N.41 Manek Urai	RM548,003.00
viii.	N.11 Permatang Pasir	RM461,367.93
ix.	N.31 Bagan Pinang	RM449,485.00
x.	P.94 Hulu Selangor	RM1,200,000.00
xi.	P.212 Sibu	RM1,000,000.00
xii.	P. 185 Batu Sapi	RM1,290,000.00
xiii.	N.45 Galas	RM1,047,000.00
xiv.	N.05 Tenang	RM1,100,000.00
xv.	N.27 Merlimau	RM755,000.00
xvi.	N.28 Kerdau	RM915,000.00

Sekian, terima kasih.

Soalan No.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	YB TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)
TARIKH	
SOALAN	268

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**
menyatakan :

(a) sila beri senarai rancangan pembangunan luar bandar
untuk kawasan Telok Intan dan Hilir Perak oleh
Kementerian untuk tahun-tahun 2000-2010; dan

(b) apakah rancangan pembangunan untuk tahun 2011 -
2015 di kawasan yang sama.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi memastikan masyarakat luar bandar menikmati kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup. Dalam tempoh RMKe-8 (2001 - 2005), parlimen Telok Intan telah menerima peruntukan berjumlah RM3.5 juta bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan terutamanya program infrastruktur asas. Senarai projek pembangunan bagi tempoh 2001 - 2005 adalah seperti di

Lampiran 1. Manakala dalam tempoh RMKe-9 (2006 - 2010) sebanyak RM2.2 juta telah diperuntukkan bagi membiayai pelbagai program/projek pembangunan di parlimen Telok Intan. Sementara itu, daerah Hilir Perak pula telah diperuntukkan sebanyak RM9.5 juta dalam tempoh yang sama. Senarai projek pembangunan bagi tempoh 2006 - 2010 adalah seperti di **Lampiran 2.**

(b) Bagi tempoh dua tahun pertama RMKe-10 (2011 - 2012) pula, sebanyak RM0.4 juta dan RM44.3 juta telah diluluskan masing-masing bagi parlimen Telok Intan dan daerah Hilir Perak untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur serta program RISDA dan FELCRA. Senarai projek pembangunan bagi tempoh 2011 - 2012 adalah seperti di **Lampiran 3.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 270

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) apakah rancangan dan langkah Kerajaan untuk meningkatkan gaji dan pendapatan pekerja-pekerja ladang yang masih mendapat kurang dari angka paras kemiskinan; dan
- (b) mengapa Kerajaan tidak dapat mewajibkangaji minimum untuk semua golongan pekerja.

PR-000-T41817

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1) Langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan gaji dan pendapatan pekerja-pekerja ladang supaya taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang bertambah baik dan pendapatan mereka secara langsung ditingkatkan adalah seperti berikut:

- a) Tanah untuk bercucuk tanam

Menerusi Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekejia 1990 (Akta 446) adalah diwajibkan majikan ladang memperuntukkan tanah seluas 250 meter persegi berhampiran dengan tempat kediaman pekejia

1

bagi tujuan bercucuk tanam atau untuk tujuan pentemakan bagi meringankan beban kewangan pekerja ladang.

b) Penubuhan Koperasi

Syarikat-syarikat perladangan dan agensi Kerajaan seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Jabatan Pertanian, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan *National Union Plantation Workers* (NUPW) telah bermesyuarat dan majikan-majikan ladang menyambut baik cadangan penubuhan koperasi di ladang. Satu perbincangan lanjut akan diadakan bagi membincangkan mekanisme pelaksanaannya dan peranan setiap agensi yang terlibat seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia dan *National Union of Plantation Workers*.

c) Corporate Social Responsibility

Mewujudkan program Pelan Perancangan Lima Tahun (2009-2013), bagi sektor perladangan bagi memastikan majikan ladang membuat perancangan dan melaksanakan pembangunan untuk mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup komuniti ladang demi menjadikan ladang sebagai suatu tempat pekerjaan yang konduktif. Tindakan ini adalah selaras dengan komitmen *Corporate Social Responsibility* (CSR) syarikat perladangan.

d) Skim Pemilikan Rumah Pekerja Ladang

Mengalakkan majikan menubuhkan Skim Pemilikan Rumah Pekerja Ladang (SPRPL). Kerajaan membiayai pelaksanaan program pemilihan rumah kos rendah berjumlah RM 50 juta di bawah RMK-10 bagi membolehkan golongan pekerja estet memilih rumah sendiri melalui skim pinjaman perumahan / pembiayaan rumah kos rendah dengan kerjasama Bank Simpanan National yang mana pada masa ini Kementerian Sumber Manusia sedang memperhalusi syarat-syarat dan terma pinjaman.

e) Kemudahan prasarana dan infrasturktur

Meningkatkan kemudahan prasarana dan infrasturktur di ladang dengan mengadakan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian

Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan lain-lain dan;

f) Bekalan air

Menyediakan bekalan air khususnya sumber sendiri dengan kapasiti 35 gelen (159 liter) kepada pekerja ladang yang mempunyai 5 orang isi.

g) Subsidi pengangkutan kanak-kanak ke sekolah

Sebanyak 562 ladang dibawah pentadbiran 11 syarikat perladangan utama telah bersetuju memberi subsidi pengangkutan kanak-kanak ke sekolah antara 60% hingga 100% bagi setiap anak-anak pekerja ladang yang bersekolah.

h) Pusat Asuhan Kanak-kanak

Peruntukan sebanyak RM 3.45 juta di bawah RMK-9 telah diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia bagi membekal, menghantar dan memasang peralatan Pusat Asuhan Kanak-kanak (PAKK) ladang di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Berhubung dengan soalan seterusnya dari Y.B. Telok Intan, untuk makluman Dewan yang mulia, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2011 telah mengumumkan penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang akan menjadi platform utama dalam deliberasi dan penetapan upah, termasuk menetapkan kadar dan mekanisme pelaksanaan gaji minimum. Antara perkara utama yang akan dibincangkan oleh Majlis ini adalah berkenaan liputan dan pengecualian gaji minimum ke atas golongan pekerja tertentu. Perkara ini hanya akan dapat diputuskan apabila Majlis membuat perakuan mengenai gaji minimum kepada Kerajaan kelak.

NO.AUM : 270

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
 [TELOK INTAN]
TARIKH
RUJUKAN 3508

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memulakan Suruhanjaya IPCMC memandangkan masih terdapat banyak kes yang melibatkan kemerosotan perkhidmatan polis termasuk kematian orang dalam tahanan.

JAWAPAN

Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya IPCMC kerana terdapat halangan dari segi Perlembagaan dan perundangan. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Kecil Undang-undang dan Peraturan Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM (JKUPPP PDRM) yang dipengerusikan oleh Peguam Negara telah mengkaji penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Hasil daripada kajian tersebut JKUPPP PDRM telah mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Aduan Khas sebagai alternatif kepada IPCMC. Sehubungan dengan itu, Rang Undang- undang Suruhanjaya Aduan Khas (RUU SCA) telah digubal bagi mengatasi halangan dari segi Perlembagaan dan undang-undang bertulis terhadap penubuhan IPCMC.

RUU SCA telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan pada 5 Disember 2007, RUU SCA telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 13 Disember 2007. Rang undang-undang telah diluluskan semasa persidangan Dewan Negara yang berlangsung dari 6 Julai 2009 hingga 14 Julai 2009. Manakala tarikh pelaksanaan belum lagi dikuatkuasakan.

**RT 30/
No. 271**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan selain dari kelayakan akademik, apakah kelayakan lain dan latihan lain untuk guru-guru diperlu dan dilatih supaya dapat menangani masalah disiplin di sekolah daripada murid-murid yang ada masalah disiplin yang serius.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memandang serius masalah disiplin dan salah laku dalam kalangan murid di sekolah. Tidak dinafikan guru-guru memainkan peranan yang penting dalam mengesan dan menangani isu tersebut. Oleh itu, penekanan terhadap kawalan disiplin murid telah didedahkan bermula dalam latihan perguruan lagi. Sebagai persediaan, bakal-bakal guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh negara akan dideahkan dari segi pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan psikologi melalui pelbagai program dan aktiviti seperti Program Bina Insan Guru untuk membina ketahanan dalam pelbagai persekitaran.

Selain itu, melalui latihan praktikum, guru pelatih juga diberi peluang mendapat pengalaman mengajar dalam pelbagai situasi sebenar di sekolah termasuk mengenalpasti masalah disiplin yang kerap berlaku dan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk menangani masalah tersebut. KPM berkeyakinan semua bakal-bakal guru yang tamat latihan secara asasnya mempunyai kebolehan dalam mengawal kelas dan tingkah laku murid di sekolah serta mampu menggunakan kaedah terbaik menangani masalah disiplin dalam kalangan murid.

SJ.B(TULIS)/(17)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG
 MALIM)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011 -07.04.2011

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) bilangan kenderaan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang Proton di Shah Alam dan Tanjung Malim berbanding kapasiti kilang sebenar untuk tahun 2010; dan
- (b) sebagai langkah untuk meningkatkan *economies of scale* dan pengurusan pengeluaran yang cekap, apakah rancangan dan strategi akan dirangka pada tahun ini untuk mengguna sepenuhnya kapasiti kilang Proton di Tanjung Malim.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kenderaan yang dikeluarkan oleh PROTON di Malaysia untuk tahun 2010 adalah

sebanyak 162,211 unit berbanding kapasiti keseluruhan kedua-dua buah kilangnya di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dan Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan yang berjumlah 330,000 unit.

2. Sebagai langkah untuk meningkatkan *economies of scale* dan pengurusan pengeluaran yang cekap, PROTON kini sedang melalui proses perancangan dan pemantauan bagi mencapai satu keputusan berhubung dengan hala tuju pengurusan dua kilang syarikat tersebut.
3. PROTON kini dalam proses melaksanakan kajian terperinci berhubung kemungkinan menutup operasi kilang di Shah Alam dan menjalankan operasi penuh pengeluaran yang hanya melibatkan sebuah kilang di Tanjung Malim. Kajian terperinci tersebut turut mengambil kira kos pelaburan yang perlu ditanggung bagi perpindahan secara berperingkat dari Shah Alam ke Tanjung Malim yang dijangka bermula pada tahun 2015, sekiranya munasabah untuk dilaksanakan.
4. Dengan penumpuan operasi pengilangan dan pentadbiran hanya di sebuah kilang, langkah proaktif ini dijangkakan dapat menjimatkan kos pengurusan dalam jangka masa panjang. Selain itu, penumpuan operasi sepenuhnya kilang di Tanjung Malim, boleh dijuruskan sebagai *potential expansion* kepada PROTON memandangkan kilang ini mempunyai kapasiti terpasang yang lebih besar, di mana ia mampu mengeluarkan kenderaan sehingga 350,000 unit kenderaan setahun (sekiranya keseluruhan hartanah dan kawasan PROTON di Tanjung Malim diguna pakai)

berbanding dengan keupayaan kilang di Shah Alam yang hanya mampu mengeluarkan setakat 180,000 unit kenderaan setahun.

5. Walau bagaimanapun, langkah penghijrahan ini perlu dikaji dengan lebih mendalam memandangkan ianya akan melibatkan pelaburan yang tinggi pada peringkat awal serta penyediaan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur bagi menampung keperluan ribuan pekerja PROTON serta keluarga mereka. Di samping itu, impak sosial, ekonomi dan sebagainya juga perlu diteliti supaya ia tidak menjelaskan ataupun memberi kesan negatif terhadap kualiti kehidupan penduduk tempatan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN

[TANJONG MALIM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang dipohon dan diterima oleh semua sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan Parlimen Tanjong Malim sepanjang tahun 2010

- (a) senaraikan nama sekolah yang memohon dan menerima peruntukan dari Kementerian; dan
- (b) senaraikan jumlah peruntukan yang diterima oleh setiap sekolah tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM21.34 juta kepada 7 buah sekolah di kawasan Parlimen Tanjong Malim. Butiran peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

**RT 31/
No. 273**

BIL.	BUTIRAN / PROGRAM	NAMA PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN
1	Menengah Akademik	SEKOLAH MENENGAH (SMKA) PERAK (SMKA SLIM RIVER)	618,722.00
2	Menengah Akademik	SMK SUNGKAI	912,635.76
3	Menengah Akademik	SMK KHIR JOHARI	689,730.00
4	Menengah Akademik	SMK SYEIKH ABDUL GHANI	751,862.00
5	Menengah Akademik	SMK BEHRANG 2020	13,214,725.36
6	Rendah Akademik	SK BEHRANG 2020	2,472,807.00
7	Rendah Akademik	SK PROTOM CITY	2,675,569.15
		JUMLAH (RM)	21,336,051.27

MK

SJ.B(TULIS)/(18)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	DATO' SERI ONG KA CHUAN
	(TANJUNG MALIM)
PERTANYAAN :	BERTULIS
TARIKH	07.03.2011 - 07.04.2011

Da to' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pulangan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut sektor pelaburan. Adakah lebih wajar Kementerian menetapkan dasar dan garis panduan kepada KWSP supaya melabur dalam sektor pelaburan yang memberi pulangan yang tinggi dan berisiko rendah bagi memastikan kepentingan pencarum didahulukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pulangan pelaburan KWSP mengikut kelas aset bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti jadual di bawah:

Bentuk-bentuk Pelaburan	2009		2010	
	(RM Juta)	Kadar Pulangan (%)	(RM Juta)	Kadar Pulangan (%)
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5,215.71	4.75	5,300.14	4.66
Pinjaman & Bon	6,633.35	5.35	7,020.38	5.25
Ekuiti	4,845.68	5.28	10,936.31	10.59
Instrumen Pasaran Wang	435.57	2.08	703.52	3.03
Harta Tanah	84.54	5.47	100.70	6.06
Jumlah	17,214.85	4.95	24,061.05	6.41

2. Sebagai langkah bagi memastikan caruman ahli KWSP adalah terjamin, KWSP sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin dan berhemat, sejajar dengan peruntukan Seksyen 26 Akta KWSP 1991.

Seterusnya berdasarkan Akta KWSP, keseluruhan aktiviti pelaburan KWSP dikawalselia oleh Panel Pelaburan. Pada peringkat pengurusan KWSP pula, semua cadangan awal pelaburan akan dikaji dan dibincangkan secara terperinci dan keputusan pelaburan dibuat berdasarkan penurunan kuasa yang diberikan oleh Panel Pelaburan.

3. Strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan elemen ‘safety’, ‘liquidity’ dan ‘yield’ iaitu melindungi nilai simpanan, memastikan kecairan dana yang mencukupi dan kadar pulangan paling optima. Sehubungan itu, KWSP telah melaburkan dua pertiga daripada asetnya ke dalam instrumen berpendapatan tetap yang berisiko rendah manakala selebihnya ke dalam ekuiti. Strategi pelaburan tersebut memastikan simpanan ahlinya sentiasa terjamin dan tidak terdedah kepada risiko pelaburan yang tinggi.
4. Diversifikasi kelas aset adalah elemen yang penting dalam memastikan simpanan ahli tidak terjejas (*capital preservation*) akibat dihakis oleh inflasi dan pada masa yang sama mampu menjana pulangan yang kompetitif. Selaras dengan objektif pelaburan jangka panjang KWSP, pendedahan ke dalam pelaburan ekuiti, yang mempunyai kadar risiko tinggi, adalah pada tahap yang bersesuaian dengan profil risiko dan pulangan KWSP.

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

JAWAPAN: DATO' SERI ONG KA CHUAN

[TANJONG MALIM]

RUJUKAN 3509

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah kesan ke atas penawaran pembantu rumah warga asing ekoran dari keputusan pihak Kerajaan Indonesia membekukan kemasukan pembantu rumah dari negara tersebut ke Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk menambahkan bilangan kemasukan pembantu rumah dari negara jiran seperti Myanmar dan Cambodia atau membenarkan kemasukan pembantu rumah dari negara jiran yang lain sebagai langkah alternatif untuk mengatasi masalah kekurangan pembantu rumah asing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tanjung Malim diatas soalan yang dikemukakan.

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Pembantu Rumah Asing (PRA) dari Jabatan Imigresen Malaysia

(JIM) mendapati jumlah PRA Indonesia di Malaysia mencatat jumlah tertinggi bagi setiap tahun berbanding negara-negara PRA lain. Sebagai contoh, pada tahun 2007, jumlah PRA Indonesia adalah seramai 289,041 (94%) daripada sejumlah 307,710 PRA di Malaysia. Begitu juga pada tahun 2008 iaitu seramai 271,217 PRA Indonesia (92%) daripada sejumlah 295,077 PRA di Malaysia. Manakala pada tahun 2009, PRA Indonesia adalah seramai 179,589 (87%) daripada sejumlah 207,153 PRA di Malaysia. Bagi tahun 2010 pula, kedudukan tersebut masih kekal dengan jumlah seramai 189,408 orang (77%) daripada sejumlah 247,067 orang PRA di Malaysia. Walaupun terdapat penurunan (antara tahun 2007 hingga 2010), PRA Indonesia masih lagi menduduki tempat pertama dari segi bilangan PRA yang bekerja di Malaysia. Kedudukan ini diikuti oleh PRA dari negara Kemboja, Filipina, Vietnam, Sri Lanka, India, Thailand dan Myanmar.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini negara sumber yang dibenarkan untuk pengambilan Pembantu Rumah Asing (PRA) di Malaysia adalah Indonesia, Thailand, Kemboja, Filipina, Sri Lanka, India, Laos dan Vietnam. Kerajaan tidak bercadang untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah dari negara Asia yang lain kerana merasakan bilangan negara sumber sedia ada sudah mencukupi untuk menampung keperluan domestik. Walau bagaimanapun, permohonan PRA daripada negara bukan sumber termasuk Myanmar boleh dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan pertimbangan dan keputusan.

**DEWAN RAKYAT
MALAYSIA PERTANYAAN
BUKAN LISAN**

PERTANYAAN BUKAN LISAN

**DARIPADA DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM J]**

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah punca yang menyebabkan pembalakan haram pokok bakau semakin berleluasa sehingga menjaskan ekosistem kawasan paya di persisiran pantai. Apakah tindakan pencegahan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti penguatkuasaan bagi membanteras pengambilan kayu bakau tanpa lesen sering tersiar dalam media tempatan sejak kebelakangan ini khususnya di negeri Selangor. Di antara punca berlakunya pengambilan kayu bakau tanpa lesen dari kawasan hutan simpanan kekal adalah disebabkan:

- i. Kayu bakau mendapat permintaan yang tinggi di pasaran; dan

- ii. Kesukaran menjalankan penguatkuasaan di kawasan tersebut disebabkan faktor muka bumi paya bakau itu sendiri yang berlumpur, di samping faktor air pasang surut yang menyebabkan keberkesanan penguatkuasaan terbatas memandangkan anggota penguatkuasa adalah sukar untuk masuk ke tengah-tengah hutan paya bakau bagi menangkap penjenayah.

Bagi memantapkan keberkesanan penguatkuasaan hutan, Jabatan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Mengadakan kerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan operasi penguatkuasan bersepadu;
- ii. Menjalankan pemantauan melalui udara menggunakan helikopter Maritim secara berterusan bagi mengesan sebarang aktiviti penebangan pokok bakau dalam hutan simpanan kekal;
- iii. Rondaan menggunakan bot bagi memantau pergerakan bot-bot yang keluar masuk hutan paya bakau; dan
- iv. Pendakwaan secara berterusan ke atas sebarang tangkapan berkaitan dengan kes kayu bakau.

Di samping itu, langkah-langkah jangka panjang juga diambil untuk menangani masalah pembalakan haram daripada terus berleluasa seperti berikut:-

- i) Memperkemaskan dan mencadangkan pindaan ke atas peruntukan- peruntukan dalam Akta Perhutanan Negara, 1984 [Akta 313]; di antaranya adalah cadangan beban bukti “*strict liability* kepada pesalah hutan, cadangan penalti untuk pencerobohan hutan dinaikkan daripada RM500.000 kepada RM 1,000,000 dan (cadangan) penjara tidak melebihi 20 tahun dengan penjara

mandatori tidak kurang dari 1 tahun;

- ii) Menempatkan pegawai siasatan daripada Bahagian Penguatkuasaan Hutan di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia di Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri bagi memantapkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan kes kesalahan hutan terutamanya pembalakan haram;**
- iii) Pemantauan yang lebih kerap oleh pasukan '*flying squad*' di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi membanteras kes-kes kesalahan hutan;**
- iv) Mengenalpasti kawasan yang berisiko tinggi berlakunya kegiatan pembalakan haram (*hotspot*) dan mempertingkatkan aktiviti rondaan, pemantauan, dan juga mengadakan sekatan jalanraya di kawasan *hotspot* berkenaan;**
- v) Menjalankan sekatan jalanraya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;**
- vi) Menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) dan sistem maklumat geografi (G/S) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;**
- vii) Memperkenalkan penggunaan Sistem Pengurusan Hutan Berdasarkan Teknologi *Radio Frequency Identification* (RFID) dalam aktiviti-aktiviti operasi hutan;**
- viii) Mengadakan sistem balai pemeriksa hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindah yang dikeluarkan oleh balai pemeriksa hutan;**
- ix) Menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku. Bagi memudahkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pembalakan haram Jabatan telah menyediakan kemudahan talian tol bebas dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Di antaranya kemudahan Tol Bebas di Ibu Pejabat Perhutanan iaitu 1-800-88-5776, Jabatan**

**Perhutanan Negeri Perak : 1-800-88-270 dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, SMS:
HUTAN<jarak> ADUAN hantar ke 32232; dan**

- x) Memastikan bahawa sempadan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) berada dalam keadaan bersih serta ditanda dengan jelas dan terang di lapangan

Sekian, terima kasih.

NO. AJP: 277

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH

3510

RUJUKAN

SOALAN:

Dato¹ Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah buku yang diharamkan sejak tiga tahun lalu termasuk alasan pengharamannya dan sejauh manakah Kerajaan mampu memastikan pengharaman itu benar-benar menyekat pengedaran bahan tersebut.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Sejak tahun 2008 hingga tahun 2010, sejumlah 68 tajuk penerbitan telah dikenakan Perintah Larangan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Di antara tajuk-tajuk penerbitan yang dikenakan Perintah Larangan adalah seperti *The Importance of Muhammad*, *The Jewel of Medina*, *Qabil & Habil*, *Dendam Nafsu*, *Kamasutra Jawa* dan *Kuantum Cinta*, *Sex Exercise* (Bahasa Tamil) dan *Hard Magazine No. 409* (Bahasa Cina).

Dari jumlah tersebut, sejumlah **31** tajuk telah dikenakan Perintah Larangan kerana **memudaratkan ketenteraman awam** manakala sejumlah **37** tajuk lagi kerana **memudaratkan kemoralan**.

Bagi memastikan pengedaran bahan-bahan yang dikenakan Perintah Larangan (diharamkan) tersebut, Kementerian telah;

- i) penguatkuasaan dan pemeriksaan di premis-premis

penerbitan dan percetakan;

- ii) penempatan pegawai-pegawai Kementerian bagi menguatkuasakan tindakan di pintu-pintu masuk di seluruh negara; dan
- iii) kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan, seperti PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan agensi-agensi lain bagi menyekat penjualan, pengedaran dan pencetakan bahan- bahan penerbitan berkenaan.
- iv) mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang mengedar bahan-bahan penerbitan yang dikenakan Perintah Larangan

Berdasarkan pemantauan Kementerian, tindakan ini adalah berkesan dalam menyekat pengedaran bahan-bahan penerbitan yang dikenakan Perintah Larangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO: 278

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah kekosongan kerja yang didaftarkan di Jabatan Tenaga Kerja dalam tempoh dua tahun lalu dan apakah maklum balas daripada masyarakat bagi mengisi kekosongan tersebut.

PR-000-T42748

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kekosongan jawatan yang didaftarkan dalam portal *JobsMalaysia* Jabatan Tenaga Manusia (JTK) pada tahun 2009 adalah sebanyak 377,241, manakala pada tahun 2010 adalah sebanyak 413,013 kekosongan jawatan dilaporkan. Daripada jumlah ini, mereka yang berhasil mendapatkan pekerjaan pada tahun 2009 adalah sebanyak 97,071 manakala bagi tahun 2010 adalah sebanyak 110,238 pencari kerja memperolehi pekerjaan. Walaubagaimana pun, maklumat ini juga tidak menggambarkan jumlah sebenar mereka yang berhasil ditempatkan dalam pekerjaan bagi mengisi kekosongan jawatan kerana pencari kerja tidak diwajibkan untuk melaporkan semula kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Maklumbalas masyarakat terhadap kekosongan yang dilaporkan secara amnya adalah baik. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah kategori jawatan seperti pekerja am, pekerja pertanian, pertukangan dan operator pengeluaran, jawatan-jawatan berkenaan adalah kurang diminati oleh masyarakat tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
[SETIU]
TARIKH
RUJUKAN 3511

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes penyeludupan dadah oleh rakyat atau pelancong Timur Tengah dalam tempoh tiga tahun lalu mengikut pecahan negara dan pada pandangan Kerajaan, bagaiman pihak Kerajaan mengatasi hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada tahun 2008 seramai 11 orang warga Timur Tengah telah ditangkap atas kesalahan menyeludup dadah. Jumlah tersebut terus meningkat pada tahun 2009 di mana seramai 24 orang telah ditangkap, dan jumlah tangkapan pada tahun 2010 pula terus meningkat kepada 212 orang. Daripada jumlah tersebut, warganegara Iran merupakan rakyat Timur Tengah yang paling ramai ditangkap atas kesalahan menyeludup dadah. Statistik tangkapan mengikut negara adalah seperti berikut:-

NEGARA	2008	2009	2010
Iran	9	20	208
Jordan	1	-	-
Yaman	-	-	3
Mesir	1	-	1
Arab Saudi	-	4	-
Jumlah	11	24	212

Tuan Yang DiPertua,

Bagi membanteras kegiatan ini, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- i) Menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa dengan pelbagai agensi penguatkuasaan Negara-negara asing untuk bertukar-tukar maklumat risikan dan kemahiran serta menjalankan operasi bersepada secara terancang dalam membanteras masalah ini;
- ii) Meningkatkan pemeriksaan rapi di pintu-pintu masuk utama negara seperti di Lapangan Terbang terhadap warganegara asing yang berpotensi dan dikenalpasti terlibat dengan sindiket dadah daripada memasuki Negara bagi mengelakkan penyeludupan dadah;
- iii) Meningkatkan lagi kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan tempatan seperti Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen, dan Unit Pencegah Penyeludupan untuk memperketatkan lagi kawalan di pintu-pintu masuk negara; dan
- iv) Memberi taklimat kesedaran kepada semua pengurus-pengurus lapangan terbang dan syarikat penerbangan yang beroperasi di negara ini mengenai modus operandi kemasukan dadah oleh pengedar-pengedar dadah serta sindiket dadah antarabangsa.

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

**RT 32/
No. 280**

JAWAPAN SOALAN PERSIPANGAN DEWAN RAKYAT

[SETIU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebenarnya yang berlaku di sebalik isu novel Interlok dan sejauh manakah penapisan dibuat terhadap karya-karya sastera di sekolah selama ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima sebanyak 667 buah novel yang dicadangkan sebagai teks Komponen Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu (Komsas) bagi kegunaan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Namun begitu, ke semua novel tersebut perlu melalui proses pemilihan dan penyaringan yang ketat sebelum dipilih sebagai teks Komponen Sastera dalam Matapelajaran Bahasa Malaysia. Novel-novel tersebut akan dinilai oleh enam (6) jawatankuasa di peringkat Kementerian, yang ahli-ahlinya terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai disiplin ilmu. Ini adalah untuk memastikan Interlok memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu karya asal yang ditulis dalam bahasa Melayu, menepati Kurikulum Bahasa Malaysia, mendukung nilai-nilai murni, menimbulkan kesan nasionalisme yang kuat dan mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat. Selain itu, keutamaan adalah kepada hasil karya Sasterawan Negara, pemenang anugerah S.E.A. Write Award dan pemenang hadiah Sayembara Sastera.

Md: ZQrf

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN
DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
NO.281

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh mana pelajar IPT dibenar berpolitik berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 atau mana-mana pekeliling yang dibenarkan bagi tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) baru sahaja dipinda dan telah berkuatkuasa sejak 1 Februari 2009. Antara peruntukan yang dipinda adalah Seksyen 15 yang memberikan pendekatan positif (*positive approach*) kepada para mahasiswa untuk melibatkan diri di dalam mana- mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar secara sihat sama ada ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, sama ada ia di dalam atau di luar Universiti, dan sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia, selain:

- i. mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

- ii. mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyaahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- iii. mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang telah ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, secara bertulis kepada Naib Canselor sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH

RUJUKAN 3512

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) a
pakah hasil siasatan bagi kes pembunuhan peguam Parti Sosialis Malaysia, G. Balasunderam; dan

(b) a

NO. AUM : 283

dakah terdapat mana-mana individu yang ditahan untuk disoal
siasat dan berapakah yang bakal didakwa di mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Berkenaan hasil siasatan bagi kes pembunuhan peguam Parti Sosialis Malaysia, G. Balasunderam, buat masa sekarang pihak polis masih meneruskan siasatan secara terperinci untuk mendapatkan keterangan yang kukuh bagi mendakwa suspek-suspek yang terlibat dalam kes ini.

Sehingga kini pihak polis telah menyoal siasat seramai sembilan belas (19) orang saspek. Daripada jumlah tersebut seramai sembilan (9) orang saspek telah dikenakan tahanan dibawah Seksyen.4(1) Ordinan Darurat 5/69. Manakala sepuluh (10) orang lagi saspek telah dibebaskan dengan jamin polis.

Dalam masa yang sama terdapat beberapa lagi saspek yang telah dikenal pasti dan masih dikehendaki. Secara keseluruhannya siasatan masih diteruskan untuk mendapatkan keterangan yang kukuh bagi mendakwa saspek-saspek yang terlibat.

Tandatangan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW

TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA :

**TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]**

SOALAN NO : 283

SOALAN

John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan selaras dengan kekurangan doktor gigi di negara ini, adakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengiktiraf kelayakan doktor gigi warga asing yang menetap di negara ini bagi menampung kekurangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Pergigian Malaysia dan Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan oleh YB Seremban.

Adalah menjadi tanggungjawab Majlis Pergigian Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan bahawa setiap pengamal pergigian yang berdaftar untuk mengamal di Malaysia telah menjalani latihan yang komprehensif dan mempunyai pengetahuan serta kemahiran klinikal yang mencapai piawaian ditetapkan. Ini adalah penting demi menjamin keselamatan rakyat yang menerima rawatan pergigian.

Kelulusan yang diiktiraf adalah tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Pergigian 1971. Hanya pemohon yang memiliki kelulusan yang diiktiraf layak mendaftar terus dengan Majlis Pergigian Malaysia. Manakala pemohon yang kelulusannya tidak diiktiraf, hanya boleh mengamal setelah memenuhi syarat - syarat yang ditetapkan oleh Majlis Pergigian Malaysia di bawah seksyen 12 Akta Pergigian 1971. Pada tahun 2010, Majlis Pergigian Malaysia telah memberi kebenaran kepada 246 Pengamal Pergigian bukan warganegara untuk mengamal di Malaysia, (sila rujuk kepada jadual di bawah).

Jadual menunjukkan bilangan Pengamal Pergigian bukan warganegara yang telah diberi kebenaran untuk mengamal oleh Majlis Pergigian Malaysia bermula tahun 2006 hingga tahun 2010.

Tahun	2006	2007	2008	2009	2010
Bil. Pergigian	Pengamal bukan	115	135	179	223

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[Seremban]

TARIKH

RUJUKAN 3548

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk memanjangkan tempoh-tempoh had laku pasport dari 5 tahun ke 10 tahun dan adakah sebarang cadangan untuk memberi potongan separuh harga kepada warga emas untuk memperbaharui pasport mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pasport Malaysia adalah suatu dokumen perjalanan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada warganegara Malaysia bagi maksud perjalanan keluar negara.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan tempoh sah laku Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) dari 5 tahun kepada 10 tahun. Ini adalah kerana PMA yang mempunyai tempoh sah laku yang panjang mudah terdedah kepada aktiviti pemalsuan, kecurian dan kehilangan dokumen. Selain itu, tempoh sah laku 5 tahun ini memudahkan Kerajaan membuat pemantauan dari aspek pengeluaran dan penggunaan PMA, mengemas kini maklumat peribadi dan ciri-ciri fizikal pemegang pasport di dalam pangkalan data sistem pasport, penilaian ketahanan dokumen dan kajian penambahbaikan spesifikasi serta ciri-ciri keselamatan dokumen perjalanan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan peka dan prihatin akan keperluan rakyat untuk mendapatkan kemudahan dokumen perjalanan PMA dengan harga yang murah khususnya golongan warga emas. Pada masa ini bayaran yang dikenakan bagi

permohonan pasport adalah RM300.00 untuk tempoh sah laku 5 tahun dan RM100 untuk tempoh sah laku selama 2 tahun. Cadangan supaya Kerajaan mempertimbangkan potongan separuh harga PMA kepada warga emas adalah baik. Walau bagaimanapun cadangan tersebut perlu dikaji dan diteliti terlebih dahulu agar pelaksanaan kelak menepati golongan yang benar-benar memerlukannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KE-4, PARLIMEN KE-12**

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)

SOALAN NO. 285. M/S. 78

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN

menyatakan apakah alasan penggantungan tugas selama 6 bulan oleh jurulatih bola sepak negeri Kelantan, B. Sathianathan oleh pihak FAM.

JAWAPAN

Jawatankuasa Displin Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah mengantung selama 6 bulan (Januari hingga Jun 2011) dan mendenda RM2,000.00 ke atas bekas jurulatih Kelantan iaitu B. Satianathan kerana beliau telah mempertikaikan dalam media tempatan mengenai Keputusan Jawatankuasa Pertandingan Tempatan FAM yang melibatkan perlawanan Liga Super antara Perlis dan Terengganu yang dijadualkan di Stadium Utama Negeri Kangar pada 28 Julai 2010 dipindahkan ke Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu, sehari lebih awal.

SULIT

SULIT

SULIT

NO SOALAN : 286

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah ketidakpekaan agama dan budaya antara kaum di Malaysia untuk mengelakkan perkara yang berlaku kepada pelatih di Kem Khidmat Negara bernama Basant Singh tidak berulang lagi. Adakah Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat insiden tersebut.

JAWAPAN :

Kementerian Pertahanan melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah melaksanakan satu Program Integrasi kepada Kumpulan 1, Siri 4 Tahun 2007 bagi mempertingkatkan keberkesanan perpaduan dan pembelajaran dari segi budaya, agama dan jantina antara kaum di Negara ini. Program ini bertujuan untuk memupuk amalan hormat-menghormati di antara kaum bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni serta meningkatkan hubungan silaturrahim di antara kaum. Dengan adanya Program Integrasi ini, pelatih akan lebih memahami tentang persamaan dan perbezaan kebudayaan, adat resam dan agama mereka, sekaligus mengurangkan serta mengelakkan perselisihan di antara kaum.

Berkenaan kes pemotongan rambut pelatih PLKN bernama Basant Singh, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah mengadakan dua siasatan dalaman bagi menyiasat aduan pelatih Basant Singh. Manakala siasatan

SULIT

selanjutnya telah dilakukan oleh pihak PDRM. Siasatan yang telah dilakukan oleh pihak JLKN adalah:

- a. **Siasatan pertama dilakukan di peringkat kem yang diketuai oleh kem Komandan pada 17 Januari 2011.**
- b. **Siasatan kedua telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat JLKN pada 19 Januari 2011. Lembaga Siasatan ini telah diketuai oleh Pegawai Tentera berpangkat Kolonel yang juga Pengarah Operasi JLKN dengan dibantu oleh Pengarah Zon B berpangkat Komander TLDM.**

Seramai 16 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan membantu siasatan. Hasil daripada siasatan tersebut, didapati tiada bukti yang menunjukkan berlaku sebarang perbuatan khianat yang dilakukan oleh pelatih-pelatih lain, para jurulatih mahupun di kalangan staf terhadap pengadu. Ini adalah kerana tiada sebarang cebisan rambut yang didakwa dipotong ditemui. Di samping itu juga, saksi-saksi dari kalangan rakan pengadu yang tinggal dalam dormitory yang sama mengesahkan bahawa tiada di kalangan mereka yang sedar atau terlihat kejadian tersebut.

Mengenai siasatan yang dilakukan oleh PDRM, hasilnya didapati tiada sebarang kesan dan bukti menunjukkan bahawa rambut pengadu telah dipotong. Oleh itu tiada saspek yang terlibat dalam kes ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
	[KUANTAN]
SOALAN	287

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI

No: 288

PENGANGKUTAN

menyatakan kenapakah pendapatan dari faedah dan dividen pelaburan Lembaga Pelabuhan Kuantan telah menyusut sebanyak 27.1% pada tahun 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pendapatan dari faedah simpanan tetap Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi tahun 2009 telah menyusut sebanyak 27.1% atau RM0.69 juta berbanding 2008 disebabkan oleh institusi kewangan memberi kadar faedah yang lebih rendah untuk simpanan tetap berikutan kemelesetan ekonomi global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

SOALAN 288

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan samada kadar Sewa Pajakan Tahunan kepada Kuantan Port Consortium Sdn.

No: 289

Bhd. sebanyak RM3,114,540 merupakan kadar tetap, apakah tempoh pajakan kepada syarikat tersebut dan apakah kos dan manfaat kegiatan penswastaan selama 12 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tempoh pajakan kepada Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. adalah selama 30 tahun bermula 1 Januari 1998 sehingga 31 Disember 2027.

Di bawah Perjanjian Penswastaan Pelabuhan Kuantan, kadar sewa pajakan Pelabuhan Kuantan akan dinaikkan sebanyak 10% setiap 3 tahun.

Dalam tempoh 12 tahun penswastaan, KPC telah membelanjakan sebanyak RM410 juta untuk kerja-kerja yang melibatkan pembinaan dermaga, pembelian peralatan serta kerja-kerja pengurukan basin pelabuhan.

Selain daripada itu, kargo yang dikendalikan di Pelabuhan Kuantan telah meningkat sebanyak 120% dari 5.5 juta tan pada tahun 1998 kepada 12 juta tan untuk tahun 2010.

SOALAN NO. 290

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA **PUAN HAJJAH FUZIAH BINTI SALLEH**
 [KUANTAN]

SOALAN

PUAN HAJJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan dan perincian perbelanjaan yang telah digunakan dalam membelanjakan peruntukan pembangunan di Parlimen Kuantan untuk tahun 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Berdasarkan maklumat dari Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), sebanyak **RM1.03 bilion** iaitu **93.80%** daripada peruntukan pembangunan RMKe9 bagi Parlimen Kuantan berjumlah **RM1.10 bilion** telah dibelanjakan dalam tempoh 2008 hingga 2010 untuk melaksanakan **155 projek** pembangunan. Agihan perbelanjaan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

- a) Tahun 2008 - sebanyak **RM301,674,077.33** iaitu 98.53% daripada peruntukan tahun 2008 berjumlah RM306,164,002.53 telah dibelanjakan;

- b) Tahun 2009 - sebanyak **RM333,674,638.64** iaitu 88.97% daripada peruntukan tahun 2009 berjumlah RM375,061,581.06 telah dibelanjakan; dan
- c) Tahun 2010 - sebanyak **RM398,104,646.15** iaitu 94.67% daripada peruntukan tahun 2010 berjumlah RM420,530,872.61 telah dibelanjakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN

IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

Apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah agensi bagi menerajui pembangunan di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu yang telah diisyiharkan sebagai Zon Bebas Cukai sebagaimana di Pulau Langkawi dan apakah langkah jangka panjang kerajaan dalam menjayakan pembangunan di kawasan berkenaan.

JAWAPAN

Pembangunan infrastruktur di Tasik Kenyir adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) iaitu di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pada masa ini, kerajaan tiada keperluan bagi mewujudkan sebuah agensi baru bagi membangunkan Tasik Kenyir.

Kerajaan Negeri Terengganu juga telah menyediakan Rancangan Kawasan Khas Tasik Kenyir (RRK) 2010-2020 yang mengandungi perancangan menyeluruh projek pembangunan di Tasik Kenyir.

Bagi Kementerian Pelancongan pula, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), dana sebanyak **RM3.4 juta** telah diluluskan bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pusat Perkhidmatan Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir. Di antara komponen projek ini adalah menaiktaraf dataran, tempat letak kereta, wakaf dan kiosk.

SULIT

NJ) \
94/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KE-4, PARLIMEN KE-12**

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)

SOALAN NO. 291. M/S. 78

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah perbelanjaan Kerajaan untuk program pembangunan atlit dalam tempoh dua tahun ini dan sejauh manakah pencapaian mereka di arena antarabangsa.

JAWAPAN

1. Jumlah perbelanjaan bagi program penyediaan dan pembangunan atlet untuk tempoh dua tahun yang lalu (2009 dan 2010) adalah sebanyak RM138.5 juta.
2. Dalam tempoh tersebut, atlet-atlet negara telah berjaya mencatatkan beberapa kejayaan khususnya di temasya sukan utama iaitu di Sukan SEA Laos 2009 (40 emas, 40 perak, 59 gangsa), Sukan Dunia, Koahsiung 2009 (1 emas, 3 gangsa), Sukan Olimpik Remaja, Singapura 2010 (2 perak), Sukan Komanwel New Delhi 2010 (12 emas, 10 perak dan 14 gangsa) dan Sukan Asia Guangzhou 2010 (9 emas, 18 perak dan 14 gangsa).
3. Bagi pencapaian di secara individu, pada tahun 2009 seramai 12 orang atlet elit daripada 7 sukan telah berjaya menduduki ranking 10 teratas dunia manakala pada tahun 2010 pula seramai 10 orang atlet elit Negara daripada 7 jenis sukan berjaya menduduki ranking 10 teratas dunia pada 2010.

SULIT

NO. SOALAN : 292

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

BUKAN LISAN

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM BAKRI

[KUALA NERUS]

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM BAKRI [KUALA NERUS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah usaha kerajaan dalam menjelaskan mengenai hakikat kenaikan harga bahan api kepada rakyat dan apakah alasan paling konkret bagi mengekang isu kenaikan harga barang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani isu kenaikan harga, kerajaan memberi penjelasan kepada rakyat melalui beberapa kaedah. Kaedah-kaedah yang digunakan merangkumi:

- i) menggunakan media elektronik seperti radio dan TV RTM melalui slot program seperti Selamat Pagi Malaysia (SPM) setiap hari selasa, melalui radio Traxx FM setiap selasa dan kerjasama dengan radio-radio milik RTM di peringkat negeri;
- ii) Menerbitkan pamphlet untuk diedarkan kepada orang ramai. Buat masa ini pamphlet tersebut telah disediakan dalam empat bahasa iaitu bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Iban. Usaha sedang dilakukan untuk menterjemahkannya ke bahasa Inggeris dan Bahasa Kadazan. Mengedarkan lebih kurang 100,000 pamphlet yang menyiarkan informasi mengenai kenaikan harga dengan bahasa yang mudah difahami dan jelas. Pamflet tersebut diedarkan melalui Pejabat-pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK), Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Pegawai Perhubungan Awam di semua

kementerian, pasar-pasar awam, pasaraya dan sebagainya;

- iii) Pengumuman melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) blast yang SMS pertama kali dihantar pada 17 Februari 2011, sementara penghantaran terakhir SMS ialah pada 18/2/2011 dan pemberhentian ini bertujuan untuk mengkaji semula mesej yang dihantar dan implikasinya;
- iv) Mengadakan penjelasan isu melalui ceramah/taklimat/dialog dan sebagainya. Penjelasan tersebut dibuat diseluruh negara dengan kerjasama Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan negeri-negeri.

Alasan yang paling konkret bagi mengekang isu kenaikan harga barang adalah penjelasan mengenai subsidi yang ditanggung untuk menetapkan harga pada kadar semasa. Sepanjang tahun 2010 sejumlah **RM10.32 billion telah diberikan untuk tujuan subsidi**. Daripada jumlah tersebut subsidi ke atas LPG merupakan jumlah yang terbanyak ditanggung oleh kerajaan iaitu sebanyak **RM1.43 billion**

RT 33/
No. 293

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM
FIKRI

[KUALA NERUS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN

MALAYSIA PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil ke atas pusat-pusat tuisyen haram atau yang tidak berdaftar dan berapakah jumlah pusat tuisyen haram yang telah diambil tindakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli yang Berhormat,

Berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Sub Seksyen 79(1) menyatakan “Tertakluk kepada peruntukan lain dalam Akta ini, tiap-tiap institusi pendidikan hendaklah didaftarkan di bawah Akta ini”. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi laluan kepada pihak swasta untuk memberi khidmat pendidikan dengan syarat pengoperasian mereka itu hendaklah didaftarkan di bawah peruntukan yang sedang berkuatkuasa sekarang ini.

KPM tidak menafikan terdapat pengusaha-pengusaha pusat tuisyen yang tidak berdaftar dengan KPM. Masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat terhadap pusat-pusat tuisyen yang tidak berdaftar dengan KPM. Kealpaan pengusah pusat-pusat tuisyen untuk mendaftar telah menyebabkan institusi tersebut tidak berada di dalam sistem sedia ada. Oleh kerana tindakan mereka merupakan satu pelanggaran kepada peraturan sedia ada maka tindakan pembetulan perlu dilakukan. Bagi menangani masalah ini, usaha-usaha berikut telah dilaksanakan bagi memastikan pusat-pusat tuisyen didaftarkan :

- a. Mengadakan pemeriksaan berkala;
- b. Menjalankan siasatan jika mendapat aduan;
- c. Mengeluarkan surat amaran supaya pusat tuisyen menghentikan operasi;
- d. Membantu srtia khismat memberi khidmat nasihat sekiranya pusat tuisyen itu sesuai untuk didaftarkan;
- e. Melaksanakan tindakan secara kolaborasi dengan pihak berkuasa tempatan/kesihatan/Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia bagi membolehkan premis-premis pusat tuisyen yang terlibat diambil tindakan untuk didaftarkan.

Mulai Januari 2010 hingga 28 Februari 2011 sebanyak 139 buah pusat tuisyen haram / tidak berdaftar yang telah diambil tindakan (diberi surat amaran). Pemantauan yang berterusan oleh pegawai-pegawai KPM di peringkat negeri diharapkan pengoperasian pusat tuisyen di negara ini dapat didaftarkan secara menyeluruh.

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

[KUALA NERUS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN

MALAYSIA PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah mekanisma yang digunakan untuk mengukur pencapaian akademik murid-murid tadika swasta dan sejauh manakah kemunculan tadika swasta ini menjadi penyumbang kepada pembangunan modal insan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tadika swasta merupakan institusi pendidikan yang memberi pendidikan awal kanak-kanak di peringkat umur empat hingga enam tahun. Institusi ini diuruskan sepenuhnya oleh pihak swasta yang majoritinya terdiri daripada orang perseorangan. Sehingga kini, sebanyak 6,581 buah tadika swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di seluruh negara.

Pada dasarnya pengajaran dan pembelajaran di tadika swasta adalah sama seperti mana

**RT 34/
No. 294**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

pengajaran dan pembelajaran di prasekolah kerajaan seperti mana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 22. Sehubungan itu, tadika swasta perlu menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) seperti mana yang telah ditetapkan oleh KPM.

Walau bagaimanapun, program-program tambahan seperti smart-reader Montessori dan sebagainya boleh digunakan di tadika swasta dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pendaftar. Oleh itu, berdasarkan kepada KSPK, pembelajaran murid-murid tidak terlalu menekankan kepada pencapaian akademik, justeru, pengukuran pencapaian akademik pendidikan prasekolah. Persepsi masyarakat pencapaian akademik di tadika swasta diukur melalui peperiksaan adalah tidak benar. Sebaliknya, tadika-tadika ini menggunakan bahan-bahan pengajaran tambahan dan menilai hasil kerja murid-murid mereka dengan tujuan untuk memotivasi kan murid-murid.

Tadika-tadika ini turut menyumbang kepada pembangunan modal insan yang mampu membina keyakinan diri murid-murid sebelum memasuki Tahun 1 di sekolah-sekolah aliran perdana. Dengan keyakinan diri yang tinggi, mereka boleh bercampur gaul dengan murid-murid dari pelbagai kaum, berinteraksi dengan guru-guru malah ada di antara mereka yang dapat menguasai kemahiran asas pembelajaran melalui ICT.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]**

SOALAN:

SOALAN NO : 296

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah kemajuan usaha mendapatkan pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi Lembangan Maliau diberikan status Tapak Warisan Dunia.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Mengenai Lembangan Maliau di Sabah yang dicadangkan untuk dijadikan Tapak Warisan Dunia, ianya memerlukan kajian yang agak mendalam bagi mengenalpasti kriteria-kriteria yang bersesuaian. Di samping itu, proses penyediaan dokumen pencalonan juga memerlukan masa yang panjang untuk mengumpul maklumat dan menjalankan kajian. Ini kerana, antara perkara penting untuk melayakkan satu-satu tapak diiktiraf sebagai warisan dunia, ianya perlu dibuktikan mempunyai nilai-nilai *outstanding universal value* (nilai-nilai keunggulan sejagat) atau mempunyai kepentingan di peringkat dunia. Untuk makluman, setakat ini Jabatan Warisan Negara (JWN) belum menerima apa-apa permohonan daripada mana-mana pihak untuk mendapatkan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia kepada Lembangan Maliau.

SOALAN NO : 297

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]

SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]

**minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan jumlah lesen yang diberikan kepada pengusaha menternak burung walit di kawasan bandar memandangkan kini industri ini semakin banyak diterokai di kawasan bandar, menggunakan bangunan lama.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga Disember 2010, sebanyak 3,228 lesen daripada sejumlah 6,540 premis telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk aktiviti perladangan dan pemprosesan sarang burung walit. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH PREMIS KESELURUHAN	JUMLAH PREMIS BERLESEN (PBT)	JUMLAH PREMIS TIDAK BERLESEN (PBT)
1.	PERAK	3,223	2,624	599
2.	JOHOR	897		
3.	KELANTAN	468	327	141
4.	PAHANG	434	207	236
5.	SELANGOR	418		
6.	PULAU PINANG	341	37	304
7.	TERENGGANU	156		156
8.	MELAKA	151		
9.	KEDAH	129	2	127
10.	SARAWAK	116		116
11.	NEGERI SEMBILAN	106	22	84
12.	SABAH	64	9	55
13.	PERLIS	26		26
14.	WP KUALA LUMPUR	10		10
15.	WP LABUAN	1		1
JUMLAH		6,540	3,228	1,855

Industri burung walit telah dikenal pasti sebagai satu industri sumber baru yang berpotensi serta berupaya memberi pulangan yang tinggi. Industri ini telah menarik ramai pengusaha dan selaras dengan itu, Kerajaan telah menyediakan satu garis panduan yang meliputi tatacara aktiviti perladangan dan pemprosesan sarang burung walit. Garis Panduan atau 1GP ini telah dipersetujui diterima pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-63 pada 2 September 2010.

SOALAN NO : 297

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADAY.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]**

SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang)minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak bantuan/wang ehsan yang telah disalurkan oleh kerajaan kepada mangsa-mangsa terjejas akibat banjir di beberapa negeri baru-baru ini dan pecahan mengikut negeri.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir apabila mereka pulang ke rumah, kerajaan telah menyalurkan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 untuk setiap keluarga mangsa banjir. Sejumlah **RM24,866,000.00** telah diagihkan kepada mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011. Perincian agihan wang mengikut negeri adalah

seperti berikut:

Bil	NEGERI	BANTUAN	JUMLAH KELUARGA
1	Kedah	RM15,474,000.00	30,948
2	Perlis	RM8,273,500.00	16,547
3	Terengganu	RM701,000.00	1,402
4	Kelantan	RM70,500.00	141
5	Sabah	RM48,500.00	70
6	Melaka	RM15,000.00	21
7	Johor	RM52,000.00	104
8	Pahang	RM231,500.00	463
JUMLAH		RM24,866,000.00	49,696

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YBDATUKSAPAWIBIN HAJI AHMAD

(SIPITANG)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan menerusi pelbagai skim Kementerian di seluruh negara tahun lepas, termasuk bagi menggalakkan penerimaan berdikari (seperti ibu tunggal) dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

SOALAN NO.267

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat peka dan prihatin terhadap nasib golongan yang memerlukan bantuan kebajikan. Bagi tahun 2010 (sehingga bulan Disember), sebanyak RM1,188,881,729.00 telah disalurkan kepada 417,552 kes permohonan bantuan yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pecahan peruntukkan bantuan yang telah dibelanjakan mengikut negeri dan juga kategori bantuan bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Bilangan Kes Bantuan Dan Perbelanjaan Mengikut Negeri Tahun 2009-2010

NEGERI	2010	
	Bil. Kes	RM
Johor	36,859	101,539,782
Kedah	41,849	114,846,636
Kelantan	31,785	84,586,796
Melaka	23,258	66,594,816
Negeri Sembilan	23,188	68,639,968
Pahang	20,073	46,595,316
Perak	31,165	82,970,051
Perlis	4,545	13,027,499
Pulau Pinang	20,623	58,830,298
Sabah	57,727	221,157,415
Sarawak	40,681	96,691,826
Selangor	36,800	102,505,225
Terengganu	33,714	87,176,981
Kuala Lumpur	14,526	41,789,920
Labuan	759	1,929,200
JUMLAH	417,552	1,188,881,729*

**Bilangan Kes Bantuan Dan Perbelanjaan Mengikut Jenis Skim
Tahun2009-2010**

SKIM	2010	
	Bil. Kes	RM
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	94,503	290,775,415
Bantuan Orang Tua (BOT)	117,150	436,088,321
Bantuan Anak Pelihara (BAP)	125	298,650
Elaun Pekerja Cacat (EPC)	45,205	142,540,526

Bantuan Am (BA)	111,258	200,617,818
Geran Pelancaran (GP)	907	1,965,813
Bantuan Bencana	3,724	2,159,968
Bantuan Alat Tiruan (BAT)	1,746	7,057,469
Bantuan Terlantar (BPT)	24,414	82,790,246
Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)	18,464	24,465,803
Bantuan Latihan Perantis (BLP)	56	121,700
Bantuan Sekolah		
JUMLAH	417,552	1,188,881,729

Di samping itu, pelbagai inisiatif telah diambil untuk meningkatkan tahap

sosioekonomi wanita dengan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk perniagaan mikro (*microenterprise*). Pada tahun 2010 sebanyak RM7.780,100.00 telah dibelanjakan oleh Kementerian dan seramai 11,513 orang telah mendapat manfaat. Di antara skim bantuan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Geran Teman 1 Azam - Sebanyak RM2 juta telah dibelanjakan dan 406 orang peserta telah mendapat manfaat.
- b) Geran Pelancaran JKM - Sebanyak RM358,450.00 telah diperuntukkan kepada seramai 146 ibu tunggal.
- c) Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT) & Inkubator Kemahiran Wanita (I-KeuNITA) - RM3.92 juta dan seramai 900 orang peserta telah menyertai program keusahawanan ini.
- d) Program Jejari Bestari - RM1.18 juta telah dibelanjakan dan seramai 6,931 orang wanita telah mendapat manfaat
- e) Peruntukan Bantuan Khas Perpendaharaan - sebanyak RM321,650.00 telah

dibelanjakan dan seramai 3,130 orang peserta telah menyertai program keusahawanan yang di selaras oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Pada tahun 2010 buat pertama kalinya, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menyediakan skim bantuan perniagaan untuk wanita dan ibu tunggal iaitu Geran Teman 1Azam. Skim ini merupakan bantuan modal permulaan perniagaan yang disediakan oleh Kementerian kepada wanita warganegara Malaysia yang berminat menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan dengan jumlah maksimum yang diberikan adalah sebanyak RM5,000.00.

Kementerian turut menyediakan skim bantuan kewangan menerusi Geran Pelancaran yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Geran Pelancaran ini diberikan kepada klien JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan dengan jumlah maksimum sebanyak RM2,700.00 kepada seorang penerima.

Selain itu, Kementerian ini turut berperanan aktif dalam membangunkan usahawan wanita menerusi penyediaan pelbagai program latihan kemahiran dan latihan asas keusahawanan yang disediakan melalui JPW. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:-

1. Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT) & Inkubator Kemahiran Wanita (I-KeuNITA) adalah program latihan kemahiran dan keusahawanan khusus untuk golongan wanita dan ibu tunggal (I-KIT) bagi mencapai objektif seperti berikut:
 - a) Menyediakan latihan untuk para peserta dalam bidang kemahiran yang boleh dikomersialkan;
 - b) Membantu peserta meningkatkan potensi untuk berdikari secara ekonomi setelah memperoleh kemahiran, iaitu dengan menceburi bidang

keusahawanan; dan

- c) Membuka minda para peserta yang terdiri daripada wanita berpendapatan rendah, suri rumah dan ibu tunggal ke arah peningkatan keyakinan diri serta memberikan motivasi supaya mereka terdorong untuk memajukan diri masing-masing.

2. **Jejari Bestari** adalah program latihan kemahiran kepada para peserta untuk mencapai objektif seperti berikut:

- a) Membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang jahitan atau kraf tangan yang boleh dikomersialkan; dan
- b) Jejari Bestari sebagai salah satu program 'outreach' JPW untuk manfaat wanita khususnya wanita yang tinggal di kawasan luar bandar.

Manakala menerusi **Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan** yang disalurkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebanyak 17 program berasaskan keusahawanan telah dilaksanakan oleh 8 buah NGO pada tahun lepas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]**

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan

jumlah kes penipuan menerusi Internet seperti laman web sosial, facebook dan blog serta bentuk kes penipuan yang banyak berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes penipuan adalah satu kesalahan di bawah S420 kanun keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM di mana wujud elemen kerugian. Dalam perkara ini, SKMM tidak menyiasat kes penipuan. Selaras dengan itu, sekiranya terdapat kandungan- kandungan laman web bersifat palsu dan/atau TIADA elemen berbentuk penipuan yang khusus melibatkan kerugian yang material barulah ianya di bawah S233 AKM 1998.

Sehingga kini tiada kertas siasatan rasmi dibuka dan tiada siasatan lanjut dapat dijalankan bagi kes2 palsu kerana bukti kes berkaitan alamat IP dan pelayan laman web (palsu) kebiasaannya adalah dihostkan dari luar negara. Tindakan diambil cuma disekat dibawah S263 AKM 1998.

Bagi aduan-aduan berhubung penipuan menggunakan internet, SKMM telah menerima sejumlah 138 aduan bagi tahun 2010. Antara jenis aduan yang diterima adalah seperti berikut:

- i. Phishing - cubaan mencuri maklumat peribadi pengguna.
- ii. Penipuan urusan jual beli melalui internet di mana pembayaran

- telah dibuat tetapi barang tidak diterima.
- iii. Kecurian identiti - di mana identiti mangsa digunakan untuk meminta sejumlah wang daripada kawan mangsa melalui e-mel.

Untuk aduan berkenaan phishing, SKMM akan mengenakan tindakan menutup laman web berkenaan. Bagi aduan-aduan lain, SKMM bekerjasama dengan pihak Polis dan Kementerian berkaitan seperti KPDNKK bagi tindakan selanjutnya. Statistik jumlah aduan penipuan Phishing yang diterima SKMM setakat adalah seperti berikut:

2008 - 228 website phishing
2009 - 206 website phishing
2010 - 688 website phishing
2011 - 162 website phishing (Bulan Januari dan Febuari)

Tindakan SKMM selepas menerima aduan dari orang awam berhubung penipuan Phishing ini adalah seperti berikut:

- 1. SKMM akan memaklumkan kepada pemilik laman sesawang yang mengandungi laman penipuan Phishing tersebut dan mengarahkan mereka untuk membersihkan atau membuang laman penipuan Phishing tersebut disamping memaklumkan dan bekerjasama dengan agensi-agensi luar negara dimana laman-laman sesawang ini dihoskan untuk menutup laman sesawang tersebut.

2. Seterusnya SKMM akan bekerjasama dengan pihak pembekal perkhidmatan Internet di Malaysia untuk menyekat capaian kepada laman sesawang yang mengandungi penipuan Phishing tersebut bagi mencegah pengguna-pengguna di Malaysia dari tertipu.
3. Di samping itu, SKMM turut memuatnaik laman sesawang tersebut kepada pihak yang mengendalikan senarai hitam laman penipuan Phishing seperti APWG dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan penglibatan penghuni Program Perumahan Rakyat di dalam pengurusan blok bangunan masing-masing memandangkan 90 peratus daripada mereka tidak berminat ke arah itu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan rumah-rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina telah diserahkan sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk disewakan, buat masa ini PBT turut memikul tanggungjawab sebagai pengurusan kepada blok-blok bangunan tersebut. Senario ini menyebabkan kadar penglibatan penghuni yang rendah dalam pengurusan blok

SOALAN NO. (300)

bangunan di PPR. Namun bagi PBT-PBT yang berhasrat untuk melibatkan penghuni-penghuni dalam urusan pengurusan, ia boleh dilakukan.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

April 2011

—

MM

—

